


Jilid I  
Bil. 37



Hari Khamis  
27hb November, 1986

MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Usul Hak dan Kebebasan dalam Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 5177]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 5179]

**USUL HAK DAN KEBEBASAN—Y.B. Tuan Lim Kit Siang** (Ruangan 5209)

**PENERANGAN DARIPADA MENTERI:**

Kenyataan Mengenai Penubuhan MAMINCO [Ruangan 5211]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 44 [Ruangan 5214]

Maksud B. 45 [Ruangan 5222]

Maksud B. 46 hingga B. 48 [Ruangan 5251]

Maksud B. 49 dan B. 50 [Ruangan 5284]

**KANDUNGANNYA—** (*samb.*)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P. 44 [Ruangan 5214]

Maksud P. 45 [Ruangan 5222]

Maksud P. 46 hingga P. 48 [Ruangan 5251]

Maksud P. 49 dan P. 50 [Ruangan 5284]

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO" SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.I., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pemhangunan Negara dan Luar Bandar. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama. DATO DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Penerangan. Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDOEHN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL. S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Y.B.M. TENGKU TAN SKI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga. Telekom dan Pos. DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO" DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menten Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET Ƨ D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.s. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah),

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO" ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim—Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW. A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALBHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Rauh).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- .. TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAK BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak  
Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N.  
(Kemaman).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,  
P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (**Ulu** Rajang).
- .. TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,  
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yung Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MAPATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DAIO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Yang Berhormat TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SITNG SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAIKANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Khamis, 27hb November, 1986

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 pelang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN YANG  
DI-PERTUA

*Usul Hak dan Kebebasan dalam  
Aturan Urusan Mesyuarat*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kelmarin Yang Berhormat Ahli dari Tanjong, Kctua Pembangkang, telah membangkitkan satu soalan berkenaan dengan Hak dan Kebebasan dan lepas itu saya telah menerima sepucuk surat darinya bersangkut dengan soalan itu juga.

Katanya mengikut practice di House of Commons di dalam lewat tahun 1970an satu Usul mengenai Hak dan Kebebasan akan diberi keutamaan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul pada hari tersebut sekiranya Yang di-Pertua berpuas hati bahawa:

- (1) satu *prima facie* case mengenai pelanggaran Hak dan Kebebasan telah pun berlaku; dan
- (ii) perkara-perkara tersebut dibangkitkan pada peluang yang terawal sekali.

Yang Berhormat itu merujuk kepada buku Erskine May Parliamentary Practice, edisi ke-17 pada muka surat 376 dan 377.

Nampaknya amalan yang dibuat di House of Commons sebelum 6hb Februari, 1978 jika ada soalan Hak

dan Kebebasan hendaklah dibuat aduan kepada Speaker secara persendirian di luar Dewan dan selepas Spcaker berpuas hati perkara ini ada *prima facie* dan dibuat dengan secepat mungkin maka barulah Speaker akan memberi keutamaan di dalam Urusan Mesyuarat di atas perkara itu, dan jika sekiranya Speaker tidak berpuas hati akan menolak aduan itu. Tetapi di dalam Dewan Rakyat kita ini nampaknya kuasa ini tidak ada kepada Yang di-Pertua kerana Peraturan Mesyuarat 14 telah menetapkan perkara-perkara yang kena diturut sebagai Aturan-aturan Mesyuarat dan Peraturan Mesyuarat 15 pula telah menegaskan bahawa urusan Kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan persendirian.

Mengikut Peraturan Takrif Dokumen jika mana-mana satu Undang-undang atau Peraturan-peraturan itu nyata dan tidak samar maka bacaan makna yang nyata yang disebutkan di dalam dokumen itu hendaklah dipakai dan tidak boleh diambil kira lain-lain punca.

Walaupun begitu, mana-mana Ahli boleh membawa satu Usul Hak dan Kebebasan ke dalam Dewan ini. Jika Usui itu adalah bersendirian dan mendapat persetujuan daripada pihak Kerajaan, maka bolehlah diberi keutamaan kepada Usul itu di dalam Aturan Mesyuarat seperti yang telah diberi kepada kes di antara Yang Berhormat Fung Ket Wing dan Datuk Harris Salleh.

Inilah keputusan saya di dalam perkara ini iaitu Yang di-Pertua mengikut Peraturan Mesyuarat tidak mempunyai kuasa hendak memberi keutamaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat di dalam perkara-perkara bersangkutan dengan Hak dan Kebebasan.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuan Ting Chek Ming.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ting Chek Ming tidak hadir)*

### ANTARTIKA—PENDIRIAN MALAYSIA

**2. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dalam banyak perkara dunia USSR dan US bertentangan pendapat, tetapi dalam soal Antartika, US dan USSR mempunyai pendapat yang sama. Mengapakah perkara ini boleh berlaku. Apakah tindakan lanjut Kerajaan bagi mengekalkan sokongan atas usul Malaysia di Bangsa Bersatu mengenai Antartika atau menambahkan sokongan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa Amerika Syarikat dan Russia mempunyai pendirian yang sama dalam isu Antartika. Ini adalah kerana kedua-dua negara tersebut merupakan ahli kumpulan negara yang dikenali sebagai Ahli-ahli Perundingan Triti Antartika atau, dengan izin, Antarctic Treaty Consultative Parties (ATCP). Kumpulan tersebut yang terdiri daripada 18 negara termasuk Amerika Syarikat dan Russia berpendirian

bahawa hanya mereka sekumpulan mempunyai hak untuk membuat keputusan mengenai pengurusan Antartika.

Selain daripada itu Amerika Syarikat dan Russia walaupun tidak mempunyai wilayah tuntutan di Antartika tidak pernah pula menyatakan bahawa mereka tidak berhasrat membuat tuntutan sedemikian. Sebenarnya Triti Antartika yang diwujudkan telah membolehkan kedua negara bertapak di benua tersebut.

Dengan itu jelas sekali mengapa Amerika Syarikat dan Russia mempunyai pendirian sama ada bersatu menentang usaha Kerajaan Malaysia dan kebanyakan negara-negara lain di Dunia Ketiga untuk memperluaskan kerjasama antarabangsa mengenai Antartika.

Untuk memastikan pencapaian matlamat Kerajaan Malaysia dalam isu Antartika, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan kita ialah untuk mengadakan perbincangan secara mendalam dan di pelbagai peringkat dengan negara-negara kumpulan ATCP dan negara-negara kumpulan Non-Consultative Parties, serta negara-negara Dunia Ketiga. Perbincangan dengan negara-negara dalam kategori pertama adalah untuk mengetahui sama ada satu tolak ansur dapat dicapai dengan negara-negara kumpulan tersebut. Perbincangan dengan negara-negara bukan perunding dan Dunia Ketiga pula bertujuan mendapatkan fikiran negara-negara tersebut terhadap strategi yang patut diikuti dan agar isu itu dapat diperjuangkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Malaysia mengenai Antartika adalah benua yang besar ini menjadi warisan bersama manusia. Di samping itu kita juga hendak mewujudkan satu sistem antarabangsa untuk mengawal

pengurusan mengenainya. Bagi maksud ini sekarang ini sudah pun terdapat satu kumpulan yang bersama-sama menganjurkan perjuangan ini, khususnya di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kumpulan khusus ini, dengan izin, core group of countries in merangkumi semua benua daiam dunia ini dan sekarang sudah pun melebihi 20 buah negara.

Kumpula ini telah pun berjaya menganjurkan berbagai-bagai pemikiran serta ketetapan di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu, di Persidangan Negara-negara Berkecuali dan di forum-forum antarabangsa yang lain bagi maksud mencapai objektif yang dikehendaki.

Di antaranya kita sedang menggesa supaya semua kegiatan negara-negara ATCP dipertanggungjawabkan kepada masyarakat antarabangsa melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Di samping itu kita juga sedang berjuang supaya satu peraturan antarabangsa ataupun regime antarabangsa digubal untuk mengawal mengenai aktiviti ekonomi di benua tersebut seperti perlombongan dan mencari gali.

Malaysia dan negara-negara asas dalam isu ini akan terus mempergiatkan usaha mereka sehingga tercapai matlamat yang dituju. Usaha setakat ini telah berhasil menyedarkan masyarakat dunia mengenai pentingnya Antartika dari segi keamanan dan iklim dunia. Mereka telah makin kenal tentang perlunya Antartika dikendalikan oleh Masyarakat dunia melalui Bangsa-bangsa Bersatu.

Malaysia juga akan terus berusaha mendapatkan kata sepakat dengan negara-negara ATCP tanpa mengeneipkan prinsip-prinsipnya mengenai isu ini. Dialog sentiasa wujud dengan negara-negara tersebut.

**Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklumat dari Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pandangan umum antarabangsa mengenai sikap Malaysia atas isu Antartika, adakah ia menguntungkan atau merugikan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dari segi kacamata kita isu ini mungkin besar, oleh sebab ia diperbesarkan oleh media-massa kita, tetapi dari sudut kacamata dunia, ini adalah satu daripada berpuluh-puluh isu antarabangsa yang lain yang diperjuangkan oleh negara ataupun kumpulan negara-negara yang lain. Tetapi jika dikaji pula tentang sikap Malaysia, maka pertimbangan harus diberi mengenai "track record" kita mengenai pendirian kita terhadap berbagai isu antarabangsa.

Misalnya, dalam soal Kampuchea dan juga soal Afghanistan, kita nampak lebih mempunyai pendirian yang sama dengan Amerika Syarikat, tetapi mengenai isu Apartheid, Namibia dan isu Palestine, kita pula nampaknya dekat lagi dengan Soviet Union. Jadi track record kita jelas membuktikan bahawa segala perjuangan kita adalah berdasarkan kepentingan masyarakat antarabangsa dan secara langsung dan tidak langsung adalah bagi kepentingan masyarakat kita sendiri.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, apakah tahap kesediaan Malaysia dari segi penyelidikan dan pembangunan andainya perjuangan kita ini berjaya, adakah apa-apa pasukan kajian ataupun pembangunan telah pun ditubuhkan setakat ini di mana-mana peringkat, di peringkat Kerajaan ataupun di peringkat pusat-pusat penyelidikan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, perjuangan kita setakat ini mengenai isu Antartika adalah supaya benua itu menjadi warisan bersama manusia dan kita memperjuangkan supaya satu regime antarabangsa, satu peraturan antarabangsa diadakan supaya manfaatnya yang boleh diperolehi daripada benua itu dapat dirasai oleh masyarakat antarabangsa pada keseluruhannya.

Jadi kita tidaklah pada peringkat ini membuat sesuatu ataupun memikirkkan sesuatu untuk kepentingan kita.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan berhasrat menuntut sebahagian tanah di Antartika dan mengisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan? *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tak payah jawab yang itu. *(Ketawa)*

### PASAR SENI DI KUALA LUMPUR—SAMBUTAN

**3. Drs Suleiman bin Mohamed** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sambutan orang ramai terhadap Pasar Seni di Central Market, Kuala Lumpur dan adakah beliau sedar bahawa beberapa gerai di dalamnya bukan semata-mata menjual barang atau hasil seni. Adakah beliau akan mengambil tindakan bagi menjadikan pasar seni ini satu pusat seni dalam ertikata yang sebenarnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, Pasar Seni bukannya di bawah pengurusan ataupun pentadbiran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau Kerajaan tetapi hak milik sebuah badan swasta. Bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan bersedia memberikan kerjasama dan khidmat-nasihat bagi menjayakan Pasar Seni sebagai satu pusat menggalakkan industri budaya di Malaysia.

Saya sedar bahawa beberapa gerai di Pasar Seni, Kuala Lumpur tidak menjual hasil-hasil seni tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi kons p kesenian yang lebih mendalam, kesenian bukan terhad kepada pengkhususan hasil seni bagi satu aspek sahaja, umpamanya kraftangan, malahan merangkumi seni foto, seni lukis, makanan, masakan, seni pentas dan lain-lain.

**3. Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun tidak di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tetapi sukalah saya meminta Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen berkenaan, kalau dapat menjawab, berapakah pecahan gerai mengikut kaum di pasar seni ini dan barang-barang jualan dan selain daripada itu potensi-potensi bantuan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi peniaga-peniaga di Pasar Seni ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama mengikut kaum tak usah jawab. Jawab soalan Nombor 2.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan gerai-gerai yang ada di Pasar Seni di Tingkat Bawah (Ground Floor) 62 buah, mezzanine floor 50 buah, dan stor-stor kecil ada 81 buah. Kemudian mengikut pecahan gerai-gerai untuk handicraft 40%, accessories of household product and goldsmith ada 30%, boutique 30%.

Kemungkinan khidmat-nasihat yang boleh diberikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada kemajuan Pasar Seni ini ialah

mengenai bentuk dan bidang-bidang kegiatan seperti mengenai seni hias dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi bahawa Pasar Seni ini bukan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ianya pada asalnya di bawah UDA (Perbadanan Pembangunan Bandar) dan kemudian dipajakkan kepada sebuah syarikat yang bernama Harta Bumi Sendirian Berhad.

**Tuan Haji Abdu) Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada diterangkan mengenai gerai-gerai yang diperuntukkan iaitu ada gerai-gerai yang menjual barang makanan yang haram yang bertentangan dengan hukum agama Islam, scumpama menjual daging babi dan seterusnya seperti yang ada sekarang ini. Apakah tindakan yang diambil, kerana gerai-gerai Pasar Seni ini adalah untuk semua kaum tetapi bukan masalah makanan yang saya sebutkan tadi. Adakah Kementerian sedar atas perkara ini?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tindakan ini boleh diambil oleh Dewan Bandaraya, bukan di bawah Kementenan Kebudayaan, Belia dan Sukan.

#### **PROTON SAGA—PASARAN KERETA**

**4. Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimana sambutan pasaran kereta Proton Saga di negara Asian dan lain-lain negara;
- (b) dengan kenaikan harga baru kereta Proton Saga di pasaran kereta negara berapa banyak kemerosotan jualan berbanding dengan harga lama; dan

(c) adakah usaha untuk menambah jenis keluaran kereta Proton Saga kepada jenis van atau wagon dan kelebihan kekuatan kuda bagi jenis kereta baru.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 103 buah syarikat dari 35 buah negara yang telah menunjukkan minat terhadap Kereta Nasional kita.

Dari jumlah tersebut, 15 pertanyaan datang dari 4 buah negara ASEAN iaitu Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunei.

Di antara negara ASEAN, hanya Brunei yang telah membeli 11 buah Kereta Proton Saga.

Pada peringkat permulaan, kenaikan harga jualan kereta Proton Saga memang merosot sedikit. Walau bagaimanapun mulai September, 1986 permintaan dan jualan mula meningkat. PROTON dan EON menjangka permintaan dan jualan untuk Proton Saga akan meningkat seterusnya. Kemerosotan jualan Proton Saga disebabkan terutamanya oleh keadaan pasaran kereta yang kian merosot akibat kemelesetan ekonomi negara yang berterusan. Scelain dari itu, perbczaan yang ternyata di antara jumlah kereta yang dijual sebelum dan selepas kenaikan harga juga disebabkan oleh pembelian tergesa-gesa sebelum pengumuman kenaikan harga untuk mendapatkan faedah harga lama. Sungguhpun harga Proton Saga dinaikkan, namun ianya masih mampu bersaing dengan kereta-kereta model yang lain dalam kelas 1600 c.c. ke bawah. Proton buat masa ini masih belum bercadang untuk mengeluarkan kenderaan jenis Van ataupun Wagon, tetapi hanya akan memberi tumpuan terhadap pengeluaran kereta penumpang dengan enjin 1300 c.c. dan 1500 c.c. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa semenjak September 1986, penjualan atau permintaan Proton Saga kian meningkat jika dibandingkan sebelum itu. Saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah dan berapa peratuskan peningkatan itu dan yang keduanya bagaimanakah sambutan, kalau dapat Yang Berhormat menerangkan, daripada tiap-tiap negara-negara ASEAN, berapakah peratusnya?

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ini, ingin saya jelaskan bahawa apa yang disebutkan di sini ialah tentang minat daripada negara-negara ASEAN ini. Sebagaimana yang saya jelaskan tadi, pada masa kini yang betul-betul telah pun membelinya ialah hanya Brunei sahaja. Brunei telah pun membeli 11 buah. Tetapi pertanyaan seperti yang saya sebutkan tadi daripada 103 buah syarikat dan daripada 35 buah negara menunjukkan bahawa ada negara-negara lain yang minat untuk mengimport kereta kita dan usaha-usaha telah pun dibuat oleh PROTON supaya dapat, dengan izin, "close deal", dan saya difahamkan ada beberapa buah negara yang sedang dibincangkan oleh PROTON dan, saya ingat tidaklah . wajar untuk saya menyebutkan negara-negara ini pada ketika ini.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap soalan tambahan ini tidak terkeluar daripada soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba, cuba.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Saya cuba. Berkenaan dengan Proton Saga ini, saya tahu salah satu objektifnya ialah untuk memberi sumbangan terhadap perkembangan perusahaan sampingan seperti kimpalan dan

pembuatan komponen. Jadi pertanyaan saya, apakah dan setakat manakah sumbangan yang diberikan dari pengeluaran Proton Saga ini terhadap perusahaan sampingan itu?

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Yang Berhormat dan Kuantan, ingin saya jelaskan, salah satu daripada tujuan Proton Saga diadakan dalam negara kita ialah untuk menambahkan lagi industri-industri yang berkaitan dan kedua untuk meningkatkan lagi mutu dari segi teknologi dalam negara. Mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuantan, sebenarnya kerja-kerja dalam kimpalan ini telah pun ditingkatkan. Buat masa ini pihak PROTON sendiri sedang membuat kerja-kerja pembaikan acuan dengan menggunakan kimpalan ini dan juga mereka sedang bentuk acuan untuk forming ini dengan sendirinya dan bagi bahan-bahan yang kecil, mereka telah pun berjaya. Saya ingat inilah satu kejayaan awal dalam hala kita untuk meningkatkan kemampuan kita di dalam bidang teknologi dan bidang kejuruteraan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan menerangkan sejauh manakah kejayaan propaganda kita terhadap Proton Saga yang dapat dijual bukan sahaja di negara-negara jiran tetapi juga di negara-negara lain seperti di negara sejuk Scandinavia, di mana mereka memerlukan kereta yang sesuai kepada cuaca dan keadaannya? Adakah Kerajaan bercadang untuk menjalankan satu kajian bagi mengubahsuaikan Proton Saga itu supaya mendapat pasaran di negeri-negeri sejuk itu.

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan bahawa Proton Saga tumpuannya pada peringkat awal ialah untuk mengeluarkan kereta-kereta

untuk dijual di dalam negeri. Walau bagaimanapun di samping itu, sebagaimana saya terangkan awal tadi pihak PROTON telah pun mengambil tindakan untuk menjual atau mengeksport kereta-kereta kita ke negara-negara asing bagi negara-negara asing bagi meningkatkan pengeluarannya. Tumpuan ini dibuat bagi menjualkan ke negara-negara yang mana kita boleh bersaing dan mendapat keuntungan. Jadi pengubahsuaian (pindaan) tidaklah ditumpukan khususnya kepada negara sejuk sahaja tetapi ditumpukan kepada pasaran-pasaran yang mana kita boleh bersaing dengan baik. Kalau kita perlu jual ke negara-negara sejuk—hari ini pun sebenarnya PROTON sudah pun membuat hubungan muka tentulah kereta-kereta kita ini akan dipasangkan dengan heater yang sesuai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad.

*(Soalan No. 5 Y.B. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad tidak hadir)*

## RINGGIT MALAYSIA

**6. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar nilai mata wang Malaysia berbanding dengan beberapa nilai mata wang negara asing seperti Jepun, Amerika Syarikat, Jerman Barat dan Singapura telah merosot. sekiranya sedar, nyatakan apakah sebabnya berlaku keadaan yang sedemikian rupa dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan nilai mata wang negara kita.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan terperinci telah pun dikemukakan di Dewan yang mulia ini di dalam jawapan saya

kepada soalan yang sama bentuknya pada 6hb November, 1986 yang lalu. Saya tidak hendak menambah apa-apa lagi.

## PENDATANG HARAM DI LADANG-LADANG

**7. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan benarkah baru-baru ini pihak Kementeriannya telah melancarkan "OPERASI BERSIH" untuk memberkas pendatang-pendatang haram yang bekerja di ladang-ladang di seluruh negara. Jika benar:

- (a) sejauh mana kejayaan yang dapat dicapai menerusi Operasi Bersih itu;
- (b) berapa ramaikah yang didakwa di mahkamah dan berapa ramai pula yang dihantar pulang ke negara asalnya; dan
- (c) apakah langkah-langkah positif telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementeriannya bagi mencegah kegiatan memasuki secara haram dan bekerja di ladang-ladang di negara ini dapat dibendung walaupun tidak dapat dihapuskan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak melancarkan "Operasi Bersih" sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dan Tasek Chenderoh. Sebenarnya Kementerian Dalam negeri mempunyai operasinya sendiri yang mana telah mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang ke atas pendatang-pendatang haram yang dikesan dan sepanjang tahun 1986 seramai 2,998 pendatang haram yang bekerja di ladang-ladang di seluruh negara telah ditangkap dan diusir

keluar dari Malaysia. Tindakan-tindakan ini diambil di bawah satu siri operasi yang diselenggarakan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan bertindak tegas terhadap semua pendatang haram dan akan menangkap, mendakwa dan mengusir dari Malaysia apabila mereka dikesan. Selain daripada tindakan tegas yang diambil ke atas pendatang haram yang dikesan, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi rondaan di kawasan-kawasan sempadan daratan dan perairan Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan-jabatan lain yang berkenaan untuk mencegah kemasukan warganegara asing secara haram ke negara ini. Tanda-tanda menunjukkan bahawa segala tindakan ini telah berjaya mengurangkan kemasukan pendatang haram ke negara ini.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada sindiket-sindiket tertentu yang terlibat dalam usaha untuk mengangkut pendatang-pendatang haram dari negara jiran ke dalam negara kita melalui perairan antarabangsa dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, memang banyak berita-berita yang tidak dapat disahkan kedengaran kepada orang ramai, tetapi tidak ada laporan yang khusus kepada Kementerian Dalam Negeri atau kepada pihak Polis di atas sindiket-sindiket ini. Kalau ada laporan dan boleh dibuktikan, tindakan akan diambil.

**Tuan Abdul Mulok Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada

Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya ada terdapat pendatang-pendatang yang datang sebagai pendatang haram dan kemudian melaporkan diri sebagai pelarian pula, apakah langkah atau apakah tindakan yang akan diambil?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pendatang haram dan orang pelarian senang dikesan. Pelarian hanya daripada 2 buah negara iaitu Filipina dan juga Vietnam dan kalau ianya daripada Vietnam, sudah tetaplah orang pelarian yang merupakan hanya akan menumpang sementara sebelum dihantar ke negara ketiga, tetapi bagi negara-negara lain tentulah sekali ini merupakan pendatang haram.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya berdasarkan kepada jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa pendatang-pendatang haram telah diambil tindakan, adakah pihak Kerajaan telah ataupun akan mengambil tindakan ke atas tuan-tuan punya ladang ataupun kepada tuan-tuan punya firma yang telah memberikan pekerjaan kepada pendatang-pendatang haram ini? Dan tidakkah itu melanggar Akta Sekatan Kerja 1986?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tuan-tuan ladang dan juga firma-firma yang memberi kerja-kerja kepada pendatang-pendatang haram ini boleh dianggapkan orang-orang yang memberi perlindungan dan bagi orang yang memberi perlindungan adalah dia melakukan kesalahan di bawah Seksyen 56 Akta Imigresen 1959.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mempunyai beberapa

angka tentang bilangan pendatang haram yang bekerja di ladang yang telah diberkas oleh Polis.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pendatang-pendatang haram yang telah dapat ditangkap bekerja di ladang-ladang pecahannya ialah: Pahang 896 orang, Johor 710 dan Pahang lagi 216 yang kita tangkap, Johor lagi sekali 134; lepas itu pada 6-10-86 dilakukan tangkapan serentak, Johor/Pahang/Terengganu 919 orang, Perak 53 orang, Johor lagi sekali 70 orang; jumlahnya ialah 2,998 orang.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan beberapa tindakan telah dibuat ke atas pendatang haram lebih daripada 2,000 orang di negara kita. Yang Berhormat telah menerangkan terdapat beberapa kesan-kesan hasil dari tindakan itu. Kalau boleh saya harap, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah bukti dari kekesanan itu—sama ada jumlah bilangan yang datang itu semakin kurang atau sebaliknya.

Yang kedua, untuk memperingkatkan kekesanan dalam gerakan tindakan ini, adakah pihak Kerajaan mengadakan usaha sama atau rundingan dengan negara-negara di mana terlibat dengan pendatang-pendatang haram ini supaya dapat mengatur satu gerakan bersama bagi mengesan kegiatan-kegiatan jenayah itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kesan yang paling besar ialah kita menerima beberapa pucuk surat daripada tuan-tuan ladang meminta supaya gerakan kita ini dikendurkan sedikit kerana mereka sudah menghadapi kekurangan pekerja-pekerja. Dengan

cara ini dapat kita memberi tempat kepada pekerja-pekerja tempatan kita.

Yang kedua, usaha sama dengan negara-negara yang bersangkutan seringkali kita jalankan, tetapi masalahnya sempadan adalah terlalu luas. Sungguhpun usaha sama dapat kita jalankan, namun begitu pendatang-pendatang haram ini masih juga boleh keluar daripada negara-negara mereka dan juga boleh masuk ke dalam negara kita mengikut pintu-pintu haram.

#### PAPAN TANDA—MAKLUMAT ORANG RAMAI

**8. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Penerangan menyatakan kos untuk membuat, mendirikan dan kemudian menggantikan papan-papan tanda dan poster-poster "Kami Yakin Masa Depan Anda Cerah" di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini melalui Jabatan Penerangan menempah beberapa jenis papan tanda dan paparan-paparan sebagai satu cara menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Antara maklumat-maklumat yang disampai melalui papan-papan tanda dan paparan ialah maklumat mengenai dasar-dasar Kerajaan, Kempen Kebangsaan, Cogankata-cogankata, Tema Musabaqah dan Hari Kebangsaan, Pengumuman Hari Mengundi dan lain-lain. Kos bagi kerja menyediakan papan-papan tanda dalam tahun 1986 hingga hujung Oktober adalah sebanyak \$169,800 untuk seluruh negara.

**Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan membandingkan keuntungan moral

yang dapat diperolehi dari papan-papan tanda (Posters) yang bertulis "Kami Yakin Masa Depan Anda Cerah" dengan kempen-kempen kecewa mengenai krisis keyakinan yang ditunjukkan oleh Pembangkang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu minta fikiran, susah hendak difikirkan.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Papan tanda di mana ditunjukkan cogan kata "Kami Yakin Masa Depan Anda Cerah" dengan gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan seorang kanak-kanak sekarang sudah jadi setengah sahaja. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini mengapa setengah papan tanda itu di mana ditunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kanak-kanak itu diturunkan atau ditutup dengan cat. Berapa lamakah papan-papan tanda itu didirikan sebelum ianya diturunkan?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya papan-papan tanda atau paparan-paparan yang dipasang di merata-rata negara yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan adalah merupakan perkara biasa yang dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut penyesuaian yang ada pada waktu itu.

Masalah turun-naiknya satu-satu papan tanda adalah merupakan satu penyelidikan yang dibuat oleh Jabatan Penerangan sendiri tentang penyesuaiannya. Saya ingin maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa sejak tahun 1968 hingga 1986 kurang lebih 10 jenis tajuk-tajuk papan-papan tanda yang telah pun dinaikkan dan kemudian diturunkan mengikut masa-masa yang kita fikir munasabah.

**Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang untuk menambahkan lagi peruntukan bagi membina papan-papan tanda ini kerana tujuannya adalah baik dan juga kerana terdapat masih lagi ramai orang yang belum faham tentang tujuan baik Kerajaan itu, terutamanya parti Pembangkang. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah yang kita hadapi hari ini dan kita bercadang bahawa papan-papan tanda yang seumpama itu akan ditambah dari semasa ke semasa kerana kita sedar dan rasai bahawa papan tanda yang berkenaan dapat memberi kesan yang baik kepada negara dan kepimpinan yang ada.

#### **KEBAKARAN BANGUNAN WISMA KERAMAT**

**9. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kebakaran di Wisma Keramat di Kuala Lumpur pada 19-8-1986 menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam alat anti-kebakaran dan tidak mencukupi di bangunan dan kompleks-kompleks Kerajaan, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan telah mengambil untuk mencegah bangunan-bangunan lain daripada dijilat api.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, Bangunan Wisma Keramat telah dibina dalam tahun 1969 dan pada masa itu bangunan tersebut telah dilengkapi dengan alat pencegah kebakaran, dengan izin, "dry riser system, break glass fire alarm and portable fire extinguisher". Apabila Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 diluluskan, Jabatan

Perkhidmatan Bomba telah mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Kerja Raya untuk mempertingkatkan daya pencegahan dan pertahanan api Bangunan Wisma Keramat khasnya dan bangunan-bangunan Kerajaan lain amnya. Langkah-langkah bagi mempertingkatkan daya pencegahan dan pertahanan api Bangunan Wisma Keramat, Kuala Lumpur mengikut Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 telah pun dipersetujui, tetapi malangnya sebelum ianya dilaksanakan, kebakaran berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bangunan-bangunan Kerajaan yang lain beberapa bangunan telah mempunyai ciri-ciri alat pencegah kebakaran yang lengkap, tetapi beberapa bangunan terutama yang dibina lama sebelum Uniform Building By-Laws 1984 diluluskan tidak memenuhi kehendak-kehendak seperti yang diperlukan oleh Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 itu.

Pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Bomba sedang memberikan kerjasama kepada Jabatan Kerja Raya dengan menjalankan pemeriksaan ke atas semua bangunan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan perhatian yang khusus adalah diberi kepada bangunan-bangunan tinggi bagi menentukan apa yang sesuai dan boleh dilakukan bagi memperkemas langkah-langkah keselamatan di bangunan-bangunan tersebut selaras dengan Undang-undang Kecil (Bangunan Seragam) 1984.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah bangunan Kerajaan pada masa ini sama ada yang berada di Wilayah Persekutuan dan juga di

negeri-negeri yang kekurangan alat-alat anti kebakaran dan berapakah jumlah kos ataupun perbelanjaan untuk melengkapi bangunan-bangunan tersebut dengan alat-alat anti kebakaran?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tentang bilangan jumlah saya tidak dapat memberi kepada Ahli Yang Berhormat, cuma saya jelaskan bahawa beberapa bangunan-bangunan telah pun memenuhi ciri-ciri daya pencegahan kebakaran. Lain-lain bangunan yang tidak memenuhi UBBL 1984 sedang diusahakan untuk mempertingkatkan tarafnya.

Tentang kos, ini ada perbezaannya, ini adalah berasaskan atas kualiti bangunan, tinggi dan juga dari segi lain-lain aspek. Jadi, saya tidak boleh menyebut kos pada amnya, ini berbeza dari bangunan ke bangunan bergantung kepada beberapa faktor.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, sama ada Kementerian beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk melatih kakitangan-kakitangan Kerajaan yang menduduki bangunan-bangunan Kerajaan untuk membantu dalam memadamkan api?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu daripada langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba. Suka saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sepanjang bulan Januari hingga Jun tahun ini, Jabatan Bomba telah memberi latihan dalam beberapa aspek mamadam kebakaran kepada sejumlah 65,000 orang termasuk 6,860 orang kakitangan awam di seluruh negara kita dan kita akan terus menjalankan ini supaya kakitangan Kerajaan dan juga pekerja-pekerja dalam sektor swasta juga diberi latihan supaya mereka

mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil sebelum jentera bomba tiba ke tempat kebakaran.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang bangunan Kerajaan ini, saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai anti kebakaran. Adakah Timbalan Menteri ataupun Kementerian bercadang untuk mengambil langkah anti kerugian seperti insurans umpamanya, sekiranya belum, kenapa?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap bangunan swasta adalah tanggungjawab masing-masing untuk menginsuranskan bangunan-bangunan. Bagi bangunan-bangunan Kerajaan, perkara ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan sama ada Kerajaan ingin mengadakan satu skim insurans ataupun tidak. Walau bagaimanapun, buat masa sekarang bangunan-bangunan ini adalah bangunan-bangunan Kerajaan dan Kerajaan sendiri mengambil tanggungjawab penuh terhadap kerugian.

#### JURURAWAT—KURSUS LANJUTAN LUAR NEGERI

**10. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai kenyataan beliau bahawa Kerajaan telah menghantar beberapa jururawat, penotong jururawat dan jururawat bersalin ke negeri asing untuk menghadiri kursus pengetahuan medical lanjutan nyatakan:

- (a) berapa bilangan jururawat telah dihantarkan ke kursus tersebut dan apakah kesannya;
- (b) mengapa Malaysia tidak boleh menjalankan kursus yang demikian; dan
- (c) bolehkah jururawat tersebut layak merawat penyakit AIDS dan jika tidak, apa sebabnya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak tahun 1983 hingga Ogos 1986, seramai 66 orang kakitangan kejururawatan dari pelbagai peringkat telah dihantar ke luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus lanjutan. Dalam jangka masa yang sama, tidak ada penolong jururawat yang dihantar ke luar negeri kerana semua kursus lanjutan untuk kategori ini dianjurkan di dalam negeri juga. Tujuan jururawat-jururawat ini dihantar berkursus ke luar negeri ialah untuk mempertingkatkan dan mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran mereka di dalam pelbagai disiplin atau bidang kerja mereka, khusus yang tidak dapat diperolehi dalam negeri. Kekesannya adalah membawa kepada peringkat prestasi perkhidmatan yang lebih jelas.
- (b) Kursus-kursus tersebut tidak dapat dijalankan di dalam negeri oleh kerana:
  - (i) Bilangan jururawat yang diperlukan untuk sesuatu disiplin itu adalah kecil sahaja, oleh itu adalah merugikan bagi Kementerian untuk memuiakan kursus yang baru.
  - (ii) Setengah-setengah kursus dianjurkan dan dibiayai oleh Kerajaan asing atau agensi-agensi luar di mana tempat dan jenis kursus telah ditentukan terlebih dahulu.
  - (iii) Untuk mendedahkan kakitangan kejururawatan kepada

teknologi dan kaedah yang baru ditemui.

- (c) Jururawat-jururawat Terlatih telah diberikan latihan yang cukup untuk menjalankan tugas-tugas mereka termasuk pengendalian pesakit AIDS.

**Tuan Gerard Math Lee Min:** Soalan tambahan. Apakah kelayakan yang diperlukan untuk menghantar jururawat-jururawat tersebut ke luar negeri untuk menjalani latihan dan berapakah daripada mereka yang telah menamatkan latihan mereka?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua, saya sudah jawab tadi, Yang Berhormat tak dengar. Soalan pertama, ini tertakluk kepada kursus-kursus yang berkenaan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada lebih kurang 4,000 jururawat yang telah dilatih di United Kingdom tidak diberi pengiktirafan oleh Kerajaan yang meragukan mereka. Kalau Yang Berhormat sedar, mengapa tidak memberi pengiktirafan kepada mereka dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat tentang jumlah bilangan jururawat yang ada dalam negara kita adakah bercukupan. Terima kasih.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, soal pengiktirafan, saya rasa itulah perkataan yang lebih tepat. Soal pengiktirafan itu, saya rasa tidak timbul kerana kita sendiri di Kementerian telah menggajikan beberapa ramai di kalangan jururawat-jururawat yang dilatih dan dapat kelayakan yang didaftarkan di United Kingdom juga di Kementerian kita. Penyerapan mereka dalam perkhidmatan Kerajaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang lain juga, seperti kelulusan Bahasa Malaysia dan sebagainya.

Soalan kedua, adakah kita cukup jururawat. Pada bila-bila masa pun kita ada kekosongan, tetapi kursus-kursus kita untuk melatih jumlah jururawat yang kita perlukan sentiasa dijalankan dan perkara ini tidak menjadi masalah kepada kita.

## PERISTIWA BERDARAH LUBUK MERBAU

**11. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai peristiwa berdarah Lubuk Merbau dalam kawasan Parlimen Padang Terap telah berlaku hampir dua tahun. Mengapa sampai sekarang Kerajaan masih belum mengambil sebarang tindakan dan apakah ini satu bukti bahawa Kerajaan tidak cekap.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, istilah "cekap" yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional tidaklah bergantung atas sama ada sesuatu tindakan itu diambil cepat atau lambat. Kalau diambil tindakan cepat tetapi gagal adalah sia-sia, tetapi kalau tindakan diambil berhati-hati walaupun lambat sedikit tetapi hasilnya berjaya, itulah yang dipanggil "cekap". (*Tepuk*)

Kecekapan sesuatu Kerajaan adalah ditentukan oleh sama ada Kerajaan tersebut berupaya menyelesaikan sesuatu masalah dengan adil dan saksama menurut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Apa yang penting ialah tidak berlaku orang yang tidak berdosa teraniaya.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan berhubung dengan peristiwa Lubuk Merbau adalah tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Polis mengenai kes ini telah pun selesai dan "inquest", dengan izin, mengenainya pada

mulanya dijadualkan pada 30-3-1986. Walau bagaimanapun "inquest", dengan izin, tidak dapat dijalankan kerana Timbalan Pendakwa Raya terpaksa menghadiri kes lain di Mahkamah Tinggi.

Oleh itu "inquest" dengan izin, telah ditunda kepada 20-7-1986, "Inquest", dengan izin, telah diadakan mengikut jadual pada tarikh baru ini dan seramai 4 orang saksi telah memberi keterangan. Walau bagaimanapun "inquest", dengan izin, tidak dapat diselesaikan pada tarikh itu kerana peguam bagi pihak simati telah meminta mahkamah supaya menangguhkannya untuk memberinya peluang memanggil saksi-saksi bagi pihak simati.

Pada 19-10-1986 "inquest", dengan izin, disambung semula dan seramai 5 orang saksi telah memberi keterangan. Oleh kerana keterangan lanjut masih diperlukan maka "inquest", dengan izin, berikutnya telah ditetapkan pada 11-1-1987.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa, selain daripada alasan yang diberi tadi, "inquest" sebenarnya selama 2 tahun tidak dapat diselesaikan padahal peristiwa itu adalah penting untuk pengetahuan orang ramai dan bolehkah laporan itu dibentangkan di dalam Dewan ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, penting bagi Yang Berhormat, mungkin tidak penting bagi Kerajaan. Banyak lagi perkara-perkara penting yang berlaku dan kita tidak mahu menjalankan sesuatu tindakan secara terburu-buru. Kalau kita hendak berbalik di zaman Jepun; pagi buat jenayah, petang beri penampar, tidak apalah (*Tepuk*), tetapi negara kita mempunyai undang-undang yang tertentu. Jadi biarlah mengikut saluran-salurannya dan kita dapat menjalankan kerja dengan baik dan teratur.

**Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Timbalan Menteri, apakah perkara-perkara yang boleh dipelajari oleh parti-parti politik mengenai peristiwa malang di Lubuk Merbau?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa itu pun minta fikiran, tidak patut dibenarkan. Fikirannya bergantung kepada orang yang hendak beri sahaja. (*Ketawa*)

## DASAR APARTHEID

**12. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) mengenai keputusan yang telah diambil di Sidang Negara-negara Berkecuali di Harare baru-baru ini mengenai Dasar Apartheid; dan
- (b) minta memberi penjelasan mengenai Suruhanjaya Bebas Selatan-selatan—apakah tindakan awal yang diambil oleh Malaysia di dalam usaha tersebut dan apakah tujuan Suruhanjaya tersebut.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan yang telah diambil mengenai Dasar Apartheid di Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Harare baru-baru ini adalah termasuk membuat deklarasi menyeluruh mengecam Afrika Selatan, penubuhan sebuah Tabung Perpaduan (Solidarity Fund) untuk membantu negara-negara sempadan, dan izin, frontline states, yang menghadapi ancaman serta pencerobohan oleh regim Pretoria.

Selain dari itu, sebuah Majlis di peringkat Menteri akan ditubuhkan bagi menyelenggarakan sekatan-sekatan terhadap regim Pretoria ini.

Tugas Majlis di peringkat Menteri ini juga termasuk memujuk negara-negara maju yang boleh memberi tekanan ekonomi dan politik yang berkesan ke atas regim Pretoria untuk menyetujui mengadakan sekatan menyeluruh ke atas regim tersebut.

Mengenai Suruhanjaya Bebas Selatan-selatan, saya telah pun menjawabnya semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 17hb November dan Ahli Yang Berhormat dari Kampar pada 20hb November, 1986. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berbalik kepada soalan No. 1. Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

## PENDIDIKAN MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN

**1. Tuan Ngoi Thiam Woh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian Penerangan akan menggunakan radio dan televisyen dalam hal ini mendidik orang-orang umum mengenai hak-hak asasi mereka dan bagaimana tindakan di setiap Jabatan Kerajaan serta bagaimana semua kakitangan di Jabatan ini patut menjalankan tugas mereka semasa berhadapan dengan orang-orang awam dan sama ada rancangan-rancangan ini akan disiarkan dalam semua bahasa dan jika boleh, semua loghat bahasa yang utama supaya rakyat dapat memahami rancangan ini; dan dengan itu, penyalahgunaan kuasa dan penerimaan rasuah dapat dicegah. Jika tidak, beri sebab-sebabnya.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa rancangan radio seperti rancangan Undang-undang dan Kita, rancangan Bantuan Guaman dan "Consumerism" ada memuatkan bahan-bahan yang bertujuan memberitahu dan mendidik orang ramai mengenai hak-hak asasi mereka. Begitu juga bahan-bahan mengenai usaha memperbaiki khidmat Kerajaan di kaunter dan dalam pejabat-pejabat sendiri.

Mesej-mesej seperti mengingatkan orang ramai supaya bersikap jujur, berdisiplin, bekerja keras dan berbudi bahasa serta mengamalkan nilai-nilai murni yang lain dalam menjalankan kehidupan dan tugas-tugas harian mereka, sentiasa juga diselitkan dalam rancangan-rancangan terbitan RTM, malah Filem Negara juga menerbitkan filem untuk siaran Televisyen Malaysia yang ada hubungan dengan usaha menambah produktiviti, memberi keterangan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain untuk pengetahuan orang ramai.

Semua rancangan ini ditujukan kepada orang ramai dan juga pegawai-pegawai Kerajaan sendiri selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap hak-hak mereka dan meninggikan lagi produktiviti pegawai-pegawai Kerajaan.

Rancangan-rancangan itu dibuat dalam Bahasa Kebangsaan oleh sebab semua warganegara adalah memahami Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, rancangan-rancangan ini juga diolah untuk kemudahan pemahaman oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Sekali lagi perlu saya nyatakan di sini iaitu sambil mendidik mereka mengenai hak-hak asasi mereka, adalah menjadi hasrat Kerajaan

supaya rakyat Malaysia bekerja kuat, rajin, jujur, beramanah dan berdisiplin, cekap dan mengamalkan nilai-nilai murni yang lain supaya negara ini akan dapat menjadi sebuah negara yang maju.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, beliau menyatakan di antara tujuan program dan rancangan yang diadakan ialah untuk mendidik dan memberi pelajaran kepada orang ramai. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau juga bercadang memasukkan dalam program ini untuk memberi pengertian definisi "syahid" yang sebenarnya supaya orang ramai dapat memahami tentang "mati syahid"?

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan dengan apa?

**Tuan Ismail bin Said:** Mati syahid.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mati syahid, sila.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahrnad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Penerangan melalui televisyen dan radio sentiasa menghadapi masalah-masalah baru yang perlu diketahui oleh rakyat dan orang ramai dari semasa ke semasa dan apa sahaja yang timbul maka adalah menjadi tanggungjawab RTM (Radio dan Televisyen Malaysia) untuk menjelaskan perkara-perkara yang seumpama itu termasuklah peristiwa yang berlaku di Memali di mana kematian yang berlaku itu dianggap "syahid" oleh setengah golongan yang tidak bertanggungjawab,

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu memberitahu, berita yang terbaru mengenai penghormatan muzik rock dari Kementerian yang berkenaan yang

disiarkan dalam suratkhbar *The Malay Mail* petang ini memandangkan muzik rock adalah berhasil kepada masyarakat sebab ia boleh digunakan untuk menakut dan menghalau gajah-gajah liar di hutan yang mengancam kaum petani-petani? (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa tidak usah jawablah yang itu. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berhubung dengan persoalan ini. Saya ingin bertanya, adakah pihak Kementerian Penerangan berhasrat ataupun bercita-cita untuk mengadakan satu ruangan ataupun program sama ada dalam TV ataupun Radio berhubung dengan sejarah negara kita ini untuk memberikan pandangan dan juga ingatan kepada generasi-generasi muda tentang sejarah kaum kita dan seterusnya seperti yang selalu diungkit-ungkit oleh pihak-pihak yang tertentu.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang ada ruangan rancangan-rancangan ataupun program-program sejarah dalam siaran televisyen dan radio kita. Misalnya, hari ini kita dapat melihat RTM ada menyiarkan rancangan harian yang bertajuk "Hari ini dalam sejarah" dan sebelum ini pun kita dapat lihat dalam program-program televisyen misalnya program "Warisan" iaitu satu program sejarah dengan kerjasama daripada Persatuan Sejarah Malaysia dan juga program-program seperti "Sekali Peristiwa" dan sebagainya dan insya Allah program-program yang berbentuk sejarah ini akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

### PERSIDANGAN PATA

**5. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah peserta dan pelancong yang menghadiri Persidangan PATA di negara kita baru-baru ini. Nyatakan juga sejauh mana perkembangan yang dicapai dalam sektor pelancongan oleh negara kita selepas persidangan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan)** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab pada 24hb November, 1986 ketika saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh. Oleh yang demikian, saya tidak berhasrat untuk mengulanginya pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan-soalan sudah cukup dan soalan-soalan semuanya telah habis dijawab.

### USUL HAK DAN KEBEBASAN

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan 26 (1) (*p*) untuk mengemukakan satu Usul Hak dan Kebebasan untuk merujukkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah membuat ruling tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu mengenai precedence, sama ada kita mengikuti amalan-amalan yang ada.

Sekarang saya menggunakan 26 (1) (*p*) yang khas mengenai kenyataan-kenyataan yang bercanggah kedua-dua Menteri itu mengenai isu MAMINCO di mana di bawah Peraturan 26 (1)—Bahawa Usul berkenaan dengan Hak dan Kebebasan hendaklah didahului dengan pemberitahu dan usul semacam kategori ini yang disebutkan, seperti usul hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat atau apa-apa perbahasan, usul hendak mengangut kerja seseorang sebagai ahli, bila-bila boleh dikemukakan dan ini bererti bahawa di bawah peruntukan 26 (*p*) Usul Hak dan Kebebasan boleh dikemukakan supaya perkara ini boleh diputuskan, satu perkara yang mustahak mengenai Hak dan Kebebasan supaya ketidakadilan yang timbul. Bolehkah saya kemukakan usul ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan, dengan kerana pada fikiran saya 26 (1) (*p*) itu ialah mengecualikan kepada notis. Yang Berhormat boleh mengemukakan Usul itu dan Usul itu tertakluk kepada syarat-syarat yang lain iaitu Peraturan 14 dan juga Peraturan 15 yang mana telah menyatakan dengan tidak ragu-ragu lagi bahawa urusan Kerajaan hendaklah didahulukan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Usul Privilege bukan Usul Kerajaan, bukan Usul Pembangkang, Usul House, Usul Privilege.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak mahu benarkan Yang Berhormat berhujah dengan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini mana adil? Adakah Ahli-ahli Parlimen tidak boleh kemukakan, baru Kerajaan boleh kemukakan Usul Privilege? Kalau Backbenchers di sini boleh kemukakan, rujuk kepada Committee of Privileges.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apabila saya bercakap Yang Berhormat kena duduk! Saya menjalankan interpretasi mengikut Peraturan Mesyuarat yang ada di hadapan saya dan mengikut fikiran saya itulah keputusan saya yang betul.

### PENERANGAN DARIPADA MENTERI

#### Kenyataan Mengenai Penubuhan MAMINCO

**3.36ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat kenyataan mengenai MAMINCO di Dewan yang mulia ini, memandangkan terdapatnya beberapa kekeliruan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 24hb ini, Yang Berhormat Ahli dari Tanjong telah menuduh saya berbohong dan membuat kenyataan, mengikut beliau, bahawa penubuhan MAMINCO adalah tidak dengan persetujuan Kabinet. Oleh yang demikian, yang dipertikaikan ialah sama ada penubuhan MAMINCO telah mendapat persetujuan Kabinet atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar perjanjian untuk mengendalikan skim sokongan harga bijih timah dengan Marc Rich telah ditandatangani pada 25hb Jun, 1981. Ini telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama di Dewan yang mulia ini. Penubuhan MAMINCO dan perjanjian dengan Marc Rich telah dibentangkan kepada Kabinet pada 8hb Julai, 1981

Pada mesyuarat Kabinet itu, Kabinet telah mengambil makluman bahawa skim sokongan harga bijih timah yang dicadangkan itu adalah lebih baik daripada penubuhan stok penimbal bijih timah. Seterusnya

mesyuarat bersetuju supaya mengesahkan penubuhan MAMINCO dan meluluskan perjanjian usahasama dengan Marc Rich. Perkara ini dibentangkan di Kabinet memandangkan bahawa MAMINCO adalah syarikat Kerajaan dan skim sokongan ini adalah skim yang dikendalikan oleh Kerajaan sendiri melalui jenteranya iaitu MAMINCO.

Saya sedar bahawa perjanjian itu telah ditandatangani beberapa hari sebelum mesyuarat Kabinet tersebut. Langkah ini telah diambil untuk memastikan bahawa setelah mendapat persetujuan Kabinet maka jentera pelaksanaannya dapat bertindak dengan serta-merta. Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Biar saya habis dahulu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Hanya setelah pengesahan oleh Kabinet barulah usahasama itu dilaksanakan.

Suka saya mengesahkan bahawa jual beli di bawah perjanjian ini hanya dimulakan di Pasaran Bijih Timah Pulau Pinang pada 15hb Julai, 1981 dan di Pasaran Logam London pada 17hb Julai tahun yang sama, iaitu selepas kelulusan Kabinet diperolehi pada 8hb Julai, 1981. Oleh yang demikian, adalah ternyata bahawa Kabinet telah mengesahkan penubuhan MAMINCO dan meluluskan Skim Sokongan Bijih Timah yang dicadangkan itu dan hanya setelah pengesahan yang sedemikian, barulah MAMINCO dan Marc Rich membuat urusan di Pasaran Bijih Timah Pulau Pinang dan Pasaran Logam London.

Tuan Yang di-Pertua, dari kenyataan ini jelas bahawa tidak ada pembohongan yang dilakukan oleh

saya mengenai perkara ini khususnya dengan berselindung di sebalik perkataan "Rahsia" seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri penjelasan?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Saya sudah habis. Tetapi kalau dia hendak tanya lagi, saya tidak ada hal, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Adakah Kabinet pada 8hb Julai, 1981 menumpukan fikiran dengan perkara MAMINCO dan persetujuan dengan Marc Rich? Bukan itu Kabinet yang terakhir untuk bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn, satu Farewell Cabinet Meeting?

Dan kedua, apabila perjanjian dengan Marc Rich sudah diadakan dan Kabinet telah dibentangkan dengan satu *fait accompli*.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, soal "Farewell Cabinet Meeting", Yang Berhormat dari Tanjong pun tidak datang, saya pun tidak ada di situ, sama ada "farewell meeting" atau tidak "farewell meeting" itu hanya tanggapan sahaja. Kita tidak tahu. *(Tepuk)*

Dan saya percaya ini adalah satu mesyuarat biasa yang juga membincangkan kertas-kertas yang termasuklah kertas-kertas yang saya maksudkan tadi. Soal *fait accompli* atau tidak, Tuan Yang di-Pertua, tidak menjadi soal di sini. Yang dinyatakan bahawa perkara ini telah pun dibawa kepada Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri ataupun Kabinet boleh mengambil tindakan-tindakan seperti

yang difikirkan wajar. Maka perjanjian yang ditandatangani pada 25hb Jun itu telah pun dibawa kepada Mesyuarat Jemaah Menteri ataupun Kabinet pada 8hb Julai dan dipersetujui oleh mesyuarat berkenaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Lagi satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah, masa kita tidak cukup.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". *(Hari Keduabelas)*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa,*

Tuan Yang di-Pertua *(mempengerusikan Jawatankuasa)*

*Maksud B.44 (Jadual)—*

*Maksud P.44 (Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

3.42 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad);** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menyambung ucapan penggulungan saya semalam.

Berhubung dengan pertanyaan Wakil dari Pengkalan Chepa, saya ingin menegaskan jika PAS dengan penuh yakin bahawa menang iaitu bukan kebenaran dan kalah itu bukan kebatilan, maka bolehkah kita terima logik ini PAS yang menang di Pengkalan Chepa itu batil? Jika beliau terima logik ini maka.....

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun.

**Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Nanti, sedikit lagi tidak habis, dengar dulu.

**Tuan Pengerusi:** Beri habis dulu, lepas itu tanyalah. (*Ketawa*) Saya pun tidak berapa faham, batinkah—apakah; yang saya faham "Zahir" sahaja. (*Ketawa*)

**Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Jika beliau terima logik ini maka elok kita nasihatkan kepada PAS supaya kawasan-kawasan yang mereka menang itu mereka letak jawatan sahajalah, bukan setakat itu sahaja oleh kerana sistem politik di negara kita ini ada pilihanraya, maka PAS tidak payahlah lagi masuk bertanding dalam setiap pilihanraya yang diadakan di negara ini. Kononnya menurut dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa semalam menang pun tidak ada kebenaran dalam kemenangan, walaupun kemenangan itu di atas sokongan rakyat jelata.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, saya amat dukacitalah. Saya bangun kelmarin untuk mendapat jawapan yang betul yang saya harap pada hari ini jawapan yang betul. Rupa-rupanya lebih tidak betul lagi. Saya sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya sayang dan kasihan, sebab saya faham jawapan Setiausaha Parlimen ini jawapan Menteri; jawapan Menteri jawapan Kerajaan; jawapan Kerajaan adalah jawapan yang benar dan tepat. Dan bukan setakat jawapan benar tepat bahkan dia akan menjadi satu kenyataan dan pegangan. Sebab itu mana-mana jawapan mestilah bertanggungjawab.

Apa yang saya soal untuk meminta penjelasan kelmarin, ialah mengenai hujah yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan yang rnenyatakan dalil PAS tidak betul, kalah; dalil UMNO betul, menang. Jadi, saya mintalah logik mana hujah ini. Dari mana kaedah ini digunakan, yang menang itu betul, yang kalah itu salah. (*Ketawa*) Itu saya minta logik mana, adakah boleh pakai logik ini; Yang Berhormat itu bawa daripada sekolahkah ataupun ambil daripada politik Barat? Sebab saya hendak pegang ini, tolong jawab—adakah kita boleh pakai hak yang betul, hak menang; hak yang kalah, hak salah.

**Tuan Pengerusi:** Yalah, sudahlah. Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak timbul Pengkalan Chepa, tidak timbul di mana. Ini soalan kaedah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sudah cukuplah itu. Saya pun sudah faham. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak, begini, sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Maaf sedikit lagi. Sebab saya tahu jawapan dia untuk mendapat tepuk.

**Tuan Pengerusi:** Sudah. cukuplah.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, kita tidak payahlah mengaitkan menang kalah dalam pilihanraya, batil atau tidak batil tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa perjuangan PAS adalah batil kerana ia menyusahkan rakyat. Mempersoalkan perkara-perkara yang boleh memecahbelahkan umat Islam, mempermain dan memperalatkan agama dan banyak menimbulkan perkara-perkara bidaah dan khurafat. Wakil dari Pengkalan Chepa semalam, mempersoalkan soal siaran TV.....

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat. minta penjelasan lagi.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Baiklah.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau boleh tolong gambarkan jenis khurafat dan jenis bidaah.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah. Sila teruskan.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi. apakah tidak dianggap khurafat jika kubur-kubur di Memali itu dipuja oleh pengikut-pengikut PAS. (*Ketawa*) Apakah tidak dianggap khurafat, Tuan Pengerusi, meninggal di Memali itu dianggap syahid. (*Tepuk*) Dan semua tahu bahawa "setiap yang bidaah itu sesat dan setiap yang sesat itu adalah dalam neraka".

Berhubung dengan kegiatan sivik di Jabatan Penerangan, sesungguhnya Jabatan Penerangan menjalankan aktiviti-aktiviti itu adalah untuk semua

rakyat dengan tidak memilih golongan mana dan dari parti mana. Malangnya sebilangan pemimpin pembangkang menggesa rakyat memulau majlis-majlis sivik. Mujurlah rakyat tidak dengar mereka. Orang ramai berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti itu kerana ia sudah berjaya meningkatkan pengetahuan umum dan rasa tanggungjawab terhadap negara. Golongan yang tidak berpuas hati hanya segelintir pemimpin-pemimpin pembangkang yang merasai hampa.

Berhubung dengan kekurangan bahan yang dibangkitkan oleh Wakil kita dari Tanjung Karang, Jabatan Penerangan berpuas hati dengan penerangan yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Jabatan Penerangan di daerah. Pihak Ibu Pejabat sentiasa membekalkan bahan-bahan syarahan, latar belakang dan buku-buku risalah untuk digunakan oleh pegawai-pegawai di daerah-daerah.

Pegawai-pegawai ini juga diberi latihan semasa ada kursus khas, kursus pentadbiran di bengkel, forum dan lain-lain dan masa ke semasa. Bahkan pada tahun hadapan 5 jenis kursus akan diadakan untuk pegawai-pegawai kita termasuklah kursus-kursus mengenai kampung hala cara baru dan kita berharap dengan adanya kursus-kursus ini pegawai-pegawai kita akan dapat meningkatkan lagi prestasi mereka.

Tentang pendidikan sejarah negara. Berhubung dengan pendidikan sejarah negara ini melalui TV buat sekarang ini RTM menyiarkan rancangan harian bertajuk "Hari Ini Dalam Sejarah" dan sebelum ini RTM dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia pernah menyiarkan secara bersiri rancangan bertajuk "Warisan" dan juga rancangan "Sekali Peristiwa" iaitu rancangan mengetahui sejarah dari kaca mata orang yang terlibat semasa peristiwa itu berlaku.

Untuk akan datang tahun hadapan, Televisyen Malaysia akan menyiarkan dua siri berhubung dengan sejarah. Pertama, siri yang diberi nama "Jasamu Dikenang", berhubung dengan pemimpin-pemimpin negara. Siri ini sedang disiapkan dan akan disiarkan secara berterusan. Siri ini merupakan pemimpin-pemimpin kita yang lalu dengan detik-detik sejarah negara yang dilaluinya. Kedua, siri "Mercur Tanda". Siri ini menceritakan perkembangan sejarah melalui bahan-bahan peninggalan yang ada, yang merupakan mercu tanda, dengan izin, historical landmark. Siri ini juga akan bermula awal tahun hadapan. Selain daripada itu, Jabatan Penerangan juga mengadakan kursus dari semasa ke semasa menerangkan kepada orang ramai sejarah perjuangan Tanahair sehingga kita mencapai kemerdekaan. Melalui Radio banyak disiarkan rancangan-rancangan yang berunsur sejarah, baik yang disiarkan melalui siaran di peringkat nasional atau siaran tempatan yang memberi gambaran sejarah orang-orang dan tempat-tempat di kawasan masing-masing.

Jabatan Penerangan memang berusaha ke arah memperbanyakkan pegawai-pegawai wanita. Setakat ini seramai 64 orang pegawai wanita sedang berkhidmat dengan Jabatan Penerangan. Di segi pegawai wanita yang kanan pula, seorang pegawai wanita telah menjadi Pengarah Penerangan Negeri, iaitu di Wilayah Persekutuan. Tiga orang pegawai wanita telah menjadi Timbalan Penerangan Negeri, iaitu di Terengganu, Melaka, Johor. Empat orang pegawai wanita menjadi pegawai Gerakan Negeri, iaitu di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan. Dua orang pegawai wanita menjadi Ketua Biro Penerangan 11 pegawai wanita menjadi Pegawai Penerangan Daerah dan 3 pegawai wanita menjadi Ketua Cawangan di Ibu Pejabat, iaitu Ketua

Cawangan Perancang dan Pejabat Cawangan Bahan dan Ketua Cawangan Bandar.

Berkenaan dengan pejabat pula, dari semasa ke semasa Jabatan Penerangan berusaha untuk membina bangunan sendiri di tempat-tempat strategik. Sehingga sekarang Jabatan Penerangan telah mempunyai 50 buah bangunan Pejabat Penerangan Daerah. Sementara 8 projek sedang dirancangan, 16 projek sudah mendapat tanah untuk didirikan bangunan, 37 Pejabat ditempatkan di Pejabat Persekutuan ataupun Pejabat Negeri, 59 buah Pejabat yang disewakan oleh Jabatan Penerangan dan terdapat bahawa setengah-setengah Pejabat Penerangan atau Biro Penerangan memang tidak strategik, tetapi oleh sebab keadaan ekonomi pada masa sekarang, kita akan cuba sedaya-upaya akan memperbaiki dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Kuantan telah menyuarakan tentang kegiatan Filem Negara. Sukacita saya memaklumkan bahawa tugas utama Filem Negara adalah membantu siaran Televisyen Malaysia dan juga Jabatan Penerangan dari segi pembekalan filem-filem yang berupa maklumat ringkas seperti kempen-kempen membeli barang buatan Malaysia dan juga bahan-bahan yang dibuat secara documentary. Selain daripada itu, Filem Negara juga menerbitkan filem cereka yang digunakan oleh unit bergerak, Jabatan Penerangan dan juga disiarkan melalui Televisyen Malaysia, juga di panggung-panggung wayang. Pada masa ini Filem Negara juga berusaha membantu industri perfileman tempatan dengan mengadakan alat-alat yang boleh disewa oleh syarikat-syarikat filem. Ini dapat membantu peningkatan mutu penerbitan filem dan iklan tempatan di samping mengurangkan pengaliran wang kita keluar negeri.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan penerangan kepada para pelajar Malaysia di luar negeri, pada masa ini Kementerian telah pun memulakan satu program penyampaian berita semasa melalui telek kepada 9 buah pusat-pusat pelajar iaitu di Chicago, Toronto, Sydney, Washington, Los Angeles, London, Cairo, Jakarta dan Tokyo. Perkhidmatan ini mungkin diperluaskan kepada tempat-tempat lain kemudian. Berita yang disampaikan adalah berita-berita dalam negeri sebanyak 2,000 perkataan sehari dan diterima oleh pusat-pusat pelajar pada hari yang sama. Pusat-pusat pelajar berkenaan kemudiannya mencetak dan menyebarkan luas berita-berita berkenaan kepada pelajar-pelajar kita. Perkhidmatan kepada pelajar ini dikendalikan oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Penerangan. Memang saya menyedari bahawa masih ada ruang-ruang yang boleh diusahakan ke arah meningkatkan keberkesanan untuk memperbaiki mutu dan meningkatkan tugas-tugas di Kementerian ini. Ini semua sudah tentu pihak sedikit-sebanyak ingin mendapat kerjasama dan pertolongan secara berterusan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$223,907,210 untuk Maksud B. 44 di bawah Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$223,907,210 untuk Maksud B. 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,460,030 yang disebutkan dalam Maksud P. 44 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,460,030 untuk Maksud P. 44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1987.

*Maksud B. 45 (Jadual)—*

*Maksud P. 45 (Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 45 dan P. 45 Kementerian Buruh terbuka untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

3.56 ptg.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam):** Tuan Pengerusi, saya bangun pagi membahaskan Maksud Bekalan 45 Kementerian Buruh. Untuk permulaan, saya merujuk kepada Butiran 020000—Kemajuan Guna Tenaga Rakyat dan Program 020200—Perkhidmatan Latihan. muka surat 203.

Tuan Pengerusi. Bahagian Perkhidmatan Latihan. Jabatan Tenaga Rakyat hendaklah meluaskan program latihan-latihan kemahiran perindustrian bagi memenuhi keperluan sektor awam, sektor swasta dan badan berkanun. Justeru itu. pusat-pusat latihan hendaklah ditambah daripada apa yang " terdapat sekarang. Dan program kursus hendaklah dipertingkatkan terutamanya untuk mencapai kemahiran Unit bimbingan kerjaya juga hendaklah ditubuhkan bagi memberi nasihat dan bantuan serta tunjukajar kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah dan juga kepada

mereka yang mencari kerja supaya mereka boleh memilih pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan minat kelulusan dan kebolehan mereka. Justeru itu, Pejabat Tenaga Rakyat hendaklah memperbanyakkan ceramah-ceramah di kelab-kelab belia, persatuan-persatuan, sekolah-sekolah untuk memberi maklumat-maklumat kepada pelajar-pelajar juga kepada belia-belie kita hari ini. Saya mendapat tahu ceramah-ceramah ini memang telah diadakan pada hari ini untuk memberikan penerangan-penerangan kepada belia-belie. Apa yang saya harapkan supaya usaha yang baik ini hendaklah diteruskan dan diperbanyakkan lagi terutamanya untuk memberi penerangan kepada belia-belie kita pada hari ini untuk mencari pekerjaan.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Butiran " 050000—Pentadbiran Undang-undang dan Menggalakkan Piawai Buruh dan Program 050100—Penguatkuasaan Undang-undang Buruh.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Akta Sekatan Kerja 1968. Akta ini adalah bertujuan membuat sekatan kepada pekerja-pekerja yang bukan warganegara supaya kerja-kerja dapat diagih dan diberikan kepada warganegara negara ini terutamanya kerja-kerja di perindustrian, di ladang-ladang dan sebagainya.

Kita dapati bahawa kebanyakan warganegara kita hari ini yang banyak tidak mempunyai pekerjaan kerana sebahagian kerja-kerja tersebut telah diambil oleh pendatang-pendatang luar, pendatang haram dan juga mereka yang masuk ke negara ini tanpa diketahui. Oleh kerana itu, Kerajaan hendaklah bertindak bukan sahaja kepada pekerja-pekerja, pendatang-pendatang tersebut tetapi juga hendaklah bertindak tegas sama ada oleh Kementerian Buruh atau

Kementerian Dalam Negeri supaya bertindak kepada pengusaha-pengusaha atau tuan-tuan punya ladang di mana buruh haram itu bekerja. Dalam hal ini Kerajaan hendaklah bersikap tegas kerana peluang pekerjaan yang ada itu hendaklah diberi kepada warganegara kita yang masih banyak menganggur.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh kepada Akta Pampasan Pekerja 1952. Bayaran-bayaran pampasan hendaklah diberi kepada pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan disebabkan sama ada kemalangan, kecederaan dan sebagainya. Demikian juga mereka yang dibuang kerja, terutamanya di zaman kemelesetan ini berapa ramai mereka yang telah hilang pekerjaan sama ada kerana industri ditutup ataupun industri itu tidak mencapai kemajuan. Adakah mereka itu telah diberi pampasan yang sepatutnya ataupun mereka habis hilang bekerja begitu sahaja. Oleh itu, Kementerian Buruh mestilah memastikan setiap mereka yang terlibat dalam pembuangan ini hendaklah dibekalkan ganjaran pampasan dan supaya usaha-usaha ataupun supaya mereka itu dapat ganjarannya dari hasil usaha yang disumbangkan selama ini.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh kepada Akta Cuti Mingguan 1950 juga yang banyak tidak mematuhi peraturan ini. Saya dapati bahawa majikan dan kedai-kedai yang terus menggunakan tenaga buruh mereka bekerja tanpa cuti, sepatutnya hari kerja hendaklah ditutup sehari dalam seminggu sama ada Hari Jumaat atau Hari Ahad atau hari minggu. Kementerian Buruh hendaklah selalu membuat pemeriksaan, kalau boleh pemeriksaan mengejut, terutamanya di luar-luar bandar di hujung-hujung minggu di mana pemerasan kepada tenaga buruh ini terus berleluasa.

Tuan Pengerusi, Akta Kerja 1955, terutamanya kepada pekerja wanita yang bersalin. Mengikut peraturan yang ada, mereka telah diberi cuti selama 42 hari. Pada pandangan saya dalam usaha untuk membanyakkan atau menambahkan matlamat 70 juta ini haruslah cuti ini ditimbang semula, kalau boleh berilah wanita yang bersalin ini cuti lebih daripada 42 hari seperti 50 hari atau 60 hari untuk memberi kesempatan kepada mereka ini beristirahat dari semasa bersalin dan juga untuk penyesuaian kepada pengasuhan bayi yang baru.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada 040000 Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja, muka surat 204.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)*

Dalam hal ini saya suka menyentuh PERKESO (Persatuan Keselamatan Sosial). Saya suka mencadangkan supaya semua majikan-majikan hendaklah dimestikan terlibat dalam usaha ini sama ada perusahaan mereka itu kecil ataupun besar, sama ada perusahaan mereka itu mempunyai pekerja-pekerja yang ramai ataupun satu, dua orang sahaja. Di samping tanpa mengira pendapatan ataupun gaji yang diberikan. Kementerian Buruh hendaklah mendaftarkan semua jumlah majikan-majikan di negara ini, termasuk majikan-majikan kecil dan juga menyenaraikan bilangan-bilangan pekerja-pekerjanya sekali. Justeru itu PERKESO ini hendaklah diperluaskan, terutamanya kepada perusahaan di luar-luar bandar yang tidak begitu dapat dikesan. Kes-kes kemalangan yang dilaporkan kepada PERKESO juga hendaklah diambil perhatian berat kerana ini adalah untuk menjaga keselamatan dan juga kesejahteraan kepada kaum buruh atau kaum pekerja.

Saya suka menyentuh Butiran 030000 dan Program 030100 Pendaftaran Kesatuan Sekerja.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Ya, terima kasih. Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Saya suka mengucapkan tahniah kepada Kementerian Buruh yang telah dapat mengadakan rundingan-rundingan dengan pihak pekerja, khususnya mengenai tuntutan gaji baru-baru ini sama ada yang dikemukakan oleh CUEPACS dan badan-badan gabungannya, kerana dengan kebijaksanaan dan usaha baik ini telah dapat mengelakkan daripada berlakunya pemogokan dan juga kerja ikut peraturan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja di negara kita ini. Cuma saya ingin mengingatkan Kementerian Buruh terdapat juga dalam Kesatuan Sekerja ini yang telah dijadikan alat di mana pemimpin-pemimpinnya terlibat dalam kegiatan siasah. Sepatutnya Kesatuan Sekerja tidak terlibat dalam gerakan parti politik, kerana itu Kementerian Buruh hendaklah sentiasa mengawasi Kesatuan-kesatuan Sekerja ini supaya mereka benar-benar memperjuangkan dan juga meneruskan usaha-usaha yang terdapat dalam perjuangan mereka menerusi kesatuan mereka itu dan tidak menyalahgunakan kesatuan sekerja mereka.

Tuan Pengerusi, sekianlah, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Puchung.

4.07 ptg.

**Dr V. David (Puchung);** Tuan Pengerusi, muka surat 139—Senarai Program/Aktiviti.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat berapa Yang Berhormat?

**Dr V. David:** Muka surat 139—Kementerian Buruh.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat 139?

**Dr V. David:** Saya pakai buku ini—Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi. Yang mula sekarang pertama tahun 1986.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, muka surat berapa? Muka surat 203?

**Dr V. David:** Yang baru!

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Semua baru, Yang Berhormat, Muka surat 203 ya?

**Dr V. David:** Belanjawan ini tahun 1986—\$51,051,600. 1987—\$49,811,700 kekurangan \$1,239,900.

Perbelanjaan Pengurusan oleh Kementerian Buruh ditambah seterusnya dari \$8,734,000 (1986) kepada \$8,865,400 (1987).

Peruntukan Kemajuan Guna Tenaga Rakyat dikurangkan dari \$23,270,200 (1986) kepada \$23,131,200 (1987). Rancangan pembangunan tenaga rakyat seperti kursus-kursus LLPPKK ialah asas perkembangan negara, tetapi Kerajaan tidak memberi keutamaan kepada kehendak yang penting ini.

Peruntukan bagi keharmonian dan perhubungan perusahaan dikurangkan dari \$4,598,300 (1986) kepada \$4,466,500 (1987), khususnya peruntukan bagi Mahkamah Perusahaan yang telah dikurangkan dari \$1,357,300 (1986) kepada \$1,273,400 (1987). Pada masa ini Mahkamah Perusahaan dibanjiri oleh kes-kes dan pertikaian-pertikaian perusahaan yang terlampau banyak. Bagaimanakah caranya untuk

menyelesaikan masalah ini jika kakitangan-kakitangan tambahan tidak boleh dilantik kerana kekurangan kewangan.

Peruntukan bagi Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja telah menghadapi kekurangan yang tersangat tinggi iaitu \$882,200 dari \$3,793,400 bagi tahun 1986 kepada \$2,911,200 bagi tahun 1987. Taraf keselamatan perusahaan di negara kita tidak memuaskan dan keadaan seperti ini disaksikan dengan beberapa keterangan dari bilangan kemalangan-kemalangan lombong, kilang dan sebagainya.

Peruntukan bagi Pentadbiran Undang-undang dan Menggalakkan Piawai Buruh dikurangkan dari \$10,655,700 bagi tahun 1986 kepada \$10,437,400 bagi tahun 1987. Taraf penguatkuasaan bagi kehendak-kehendak kaum buruh sangatlah rendah dan Kerajaan tidak mengambil perhatian di atas mustahaknya menentukan keadaan yang sesuai dan selamat untuk mencapai daya pengeluaran yang tinggi. Majikan-majikan telah mengeksploitasikan para pekerja-pekerja tanpa sebarang perasaan simpati dan Kerajaan berpura-pura mengambil tindakan di atas majikan-majikan yang terlibat.

Peruntukan perbelanjaan pengurusan Kementerian seterusnya telah ditambahkan tetapi tambahan ini tidak dicerminkan dalam peruntukan-peruntukan kewangan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Kerajaan hendaklah mempunyai dan menggunakan perasaan keadilan dalam segala segi Anggaran Belanjawan 1987 dan nampaknya perasaan ini tidak diberi maksud dalam Anggaran Belanjawan bagi kaum buruh di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami yakin bahawa keharmonian perusahaan adalah syarat mutlak kepada iklim

pelaburan dan kemajuan negara. Bagaimanapun, langkah yang sekarang dipertimbangkan untuk diambil oleh Kerajaan adalah cukup mengganggu untuk membahayakan usaha-usaha negara untuk memastikan keamanan dan keharmonian perusahaan dan dengan itu mengurangkan jurang di antara yang berada dengan yang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, faedah minimum yang terkandung dalam Akta Pekerjaan 1980 hendak dinafikan dan dikurangkan oleh Kerajaan yang menerima langkah-langkah keras yang dicadangkan yang akan menceburkan buruh ke lembah kekecewaan selanjutnya.

Persoalan yang telah ditanyakan sama ada Kerajaan berubah sikap untuk mengorbankan dan menindas para pekerja, manakala langkah-langkah yang lain boleh diuruskan untuk mendapatkan sumber-sumber bagi menahan kemelesetan ekonomi. Kami hairan mengapa para-pekerja yang malang dan tidak berdosa serta tidak berdaya hendak dihukum pula kerana penyakit ekonomi negara yang mana mereka tidak bertanggungjawab.

Faedah pemberhentian kerja yang biasa terdapat adalah dianggap paling kurang dan cadangan untuk mengurangkannya dari gaji 20 hari kepada gaji 15 hari bagi mereka yang telah berkhidmat lebih dari lima tahun adalah sesungguhnya pemotongan yang paling tidak patut. Penerangan yang berikut akan memberikan pengertian yang jelas tentang faedah yang wujud dan yang dicadangkan untuk ditarik balik.

Faedah yang wujud sebagaimana mengikut Peraturan (Faedah-faedah dan Pemberhentian dan Pengepian) Pekerjaan, 1980 adalah seperti berikut:

- (i) Gaji 10 hari bagi setiap tahun pekerjaan jika seorang pekerja

telah bekerja selama kurang dari 2 tahun;

- (ii) Gaji 15 hari bagi sebarang tempoh pekerjaan untuk 2 tahun atau lebih tetapi kurang dari 2 tahun; dan
- (iii) Gaji 15 hari bagi setiap tahun pekerjaan untuk 5 tahun atau lebih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Dr V. David:** Tetapi macam mana kita boleh bagi ucapan atau boleh discuss perkara penting, kalau hanya dibagi 5-10 minit, lebih baik jangan bagi terus.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, 10 minit peruntukan kepada semua Ahli Yang Berhormat, semua sudah bersetuju dengan had masa itu, kita sudah buat ruling selama ini. Teruskan.

**Dr V. David:** Saya tidak boleh buat apa-apa reference daripada butiran dalam Budget, macam mana ini sahaja, saya bagi.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, teruskan.

**Dr V. David:** Baiklah. Persetujuan kolektif dalam perusahaan-perusahaan dalam kebanyakan kes, memperuntukkan sebulan atau lebih bagi setiap tahun perkhidmatan, tetapi faedah sekarang mengikut Akta Pekerjaan itu adalah hanya gaji dua puluh hari bagi setiap tahun perkhidmatan.

Faedah lebih masa telah menjadi sumber utama pendapatan tambahan bagi para pekerja yang bergaji paling rendah yang bersedia mengorbankan kesihatan dan masa kelapangan

mereka untuk memperolehi sedikit lebih untuk hidup supaya mencukupi. Di sini lagi, ini pun telah dinafikan.

Pindaan kepada kadar lebih masa telah diperkenalkan dalam tahun 1980 sebagai satu strategi bercabang dua untuk menambahkan dan juga untuk meningkatkan paras daya pengeluaran para pekerja.

Sebarang pindaan yang dibuat untuk mengurangkan atau menurunkan kadar-kadar lebih masa yang dibayar kepada pekerja tidak akan menghasilkan pulangan yang cukup bagi para majikan khususnya dan Kerajaan keseluruhannya untuk mengurangkan kos mengurus, lebih-lebih lagi difikirkan bila dibandingkan dengan paras daya pengeluaran yang dijejaskan. Akhirnya oleh keputusan arbitrari yang sedemikian, saya percaya cadangan ini yang Kerajaan bawa untuk membaiki ekonomi kita, saya percaya dan nampak cadangan itu tidak boleh mengamankan dan memperbaiki ekonomi kita.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, sila gulungkan.

**Dr V. David:** Sedikit, Tuan Pengerusi. Tambahan ini sama arbitran faedah pinjaman perumahan, memutarakan jam balik ke belakang kerana sejumlah besar pekerja terpaksa membayar lebih untuk rumah-rumah mereka. Ini saya nampak melanggar kepada hak asasi dan keadilan bagi pekerja di negara kita.

Akhirnya, Kerajaan telah menyatakan dengan lantang bahawa la akan menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dari segi ekonomi mengikut apa yang Kerajaan telah janjikan kepada rakyat Malaysia. Kami berpendapat bahawa coganata ini sudah hilang maknanya memandangkan sikap kasar Kerajaan sekarang terhadap para pekerja.

Cadangan perkara di atas, kami percaya pindaan-pindaan ini boleh merosakkan ekonomi negara kita dan boleh menjejaskan keamanan dan keharmonian dalam industn-industri di Malaysia.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, sudahkah?

**Dr V. David:** Tetapi saya ada banyak lagi, tetapi tidak boleh berucap. Saya ingat.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, kasihan, tetapi kita semua setuju 10 minit.

**Dr V. David:** Kalau tidak adil terhadap Ahli Parlimen, kalau kita belum mendapat keadilan di smi, macam manakah rakyat kita boleh mendapat keadilan? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Ledang.

*4.20 ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B. 45, muka surat 203, Butiran 010000, Program Perancangan Pembangunan dan Penyelidikan yang berjumlah lebih kurang \$719,900.00.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendekati tentang soal penyelidikan ini dari segi perlunya kita memulakan usaha untuk membuat satu rancangan kebangsaan di peringkat kebangsaan mengenai gunatenaga kita, ataupun istilahnya ialah "Manpower National Planning" untuk negara kita ini.

Tuan Pengerusi, kita berada di tahun 1986, tidak berapa tahun lagi kita akan menempuh kurun 2000. Cabarannya adalah besar, maka kita sewajarnya membuat perancangan yang dapat membaru kita untuk

mengatur tenaga kerja kita supaya dapat menghadapi cabaran tahun-tahun 2000 nanti. Tambahan pula, tenaga rakyat yang ada dalam negara kita ini adalah merupakan satu aset yang paling berguna sekali, yang paling pokok dan paling penting mungkin dimiliki oleh sesebuah negara. Oleh yang demikian, maka sewajarnya kita melengkapkan aset yang ada ini untuk menghadapi pembangunan dan menghadapi cabaran pada kurun yang akan datang ini, terutama sekali kita akan menghadapi satu cabaran yang besar dalam bentuk perindustrian ataupun pembangunan ekonomi dalam zaman yang dikatakan zaman maklumat ataupun "information age".

Tuan Pengerusi, saya ingin menekankan di sini supaya pihak Kementerian Buruh ini memulakan inisiatif ataupun langkah yang pertama untuk sekurang-kurangnya melihat dan menggubal satu "Manpower Nationa! Planning" untuk negara ini. Saya pernah menanya soalan ini dalam Soal-Jawab pada minggu yang telah lalu dan jawapan yang telah diberikan kepada saya, kalau saya tidak silap ialah belum ada lagi "Manpower National Planning" untuk negara ini.

Selain daripada dua sebab yang saya sebutkan tadi, cabaran yang besar untuk kurun yang akan datang, yang keduanya, bahawa tenaga manusia adalah satu aset yang paling besar yang ada pada sesebuah negara dan masyarakat. Ada sebab-sebab lain mengapa perancangan ini adalah amat perlu pada ketika ini, sebabnya adalah seperti berikut; bahawa walaupun keadaan ekonomi meleset, ini merupakan satu suasana yang agak bukan suasana yang pernah kita rasakan pada tahun 60an ataupun 70an, tetapi masalah pengangguran secara meluas makin lama makin menjadi masalah yang besar untuk dihadapi oleh masyarakat kita.

Selain daripada mass-unemployment ini, kita juga sewajarnya memikirkan bahawa wujudnya pengangguran yang berbentuk struktur di mana kita dapati bahawa ada sektor yang berkembang, ada sektor yang akan berkurangan, ataupun akan mengecut. Oleh yang demikian, maka sewajarnya berlaku pengaliran tenaga manusia daripada satu sektor kepada satu sektor yang lain. Dalam jangka masa yang panjang misalnya, kita mengagakkan bahawa di sektor pertanian akan berkurangan tenaga buruh di situ, maka tenaga buruh sewajarnya mengalir ke sektor bukan pertanian. Di antara dua sektor ini kita boleh melihat dengan lebih terperinci lagi pengaliran ataupun pengaliran tenaga manusia di antara sub-sektor-sub-sektor yang wujud di dalam sektor bukan pertanian misalnya, sama ada dalam sektor perkhidmatan, ataupun sektor pembuatan dan di dalam sektor pembuatan itu boleh dipecah-pecahkan sama ada di dalam sub-sektor industri berat ataupun sub-sektor industri ringan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, itu adalah dua lagi sebab tambahan yang saya fikir menjadi sebab mengapa "Manpower Planning" ini adalah wajar sekali. Seterusnya saya hendak sebut lagi dua/tiga sebab. Kita dapati pada ketika ini ialah keadaan di mana wujud pengangguran di kalangan mereka yang lulus di peringkat pengajian tinggi, sama ada mereka itu mempunyai ijazah ataupun mereka mempunyai Diploma ataupun Certificate. Ini bermakna bahawa bukan sahaja permintaan terhadap mereka ini berkurangan pada keseluruhannya, mungkin wujud tidak dapat dipadankan di antara permintaan dengan jenis-jenis kelulusan yang dimiliki oleh mereka.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu masalah yang serius, yang kalau kita tidak perbetulkan maka masalah mismatching ini akan berterusan. Oleh

yang demikian, kita dapati ada jenis siswazah-siswazah yang akan menganggur dan ada juga di mana jenis siswazah yang berkurangan. Oleh yang demikian, maka sewajarnya pihak Kementerian yang berkenaan ini, bukan sahaja membentuk satu "Manpower Planning" bahkan juga dapat bekerjasama dengan lebih rapi lagi dengan pihak-pihak ataupun Kementerian Pelajaran ataupun universiti-universiti ataupun kolej-kolej yang tertentu untuk memastikan bahawa sekurangnya kita dapat mengimbangkan ataupun memadankan antara permintaan keseluruhan dan permintaan mengikut jenis dengan pengeluaran ataupun tawaran yang datang daripada universiti-universiti ataupun di peringkat kolej ataupun di peringkat maktab dan sebagainya.

Satu lagi perkara yang sepatut diambil kira oleh Kementerian ini di dalam penyelidikan ialah mengenai tanggapan masyarakat pada keseluruhannya, bahawa untuk mendapat tempat dalam masyarakat sama ada dari segi pekerjaan ataupun dari segi sosio-ekonominya, maka seseorang tadi mestilah melalui proses persekolahan dan apabila ia tamat di peringkat yang paling tinggi dalam proses pembelajaran di peringkat sekolah tadi, maka ia akan sewajarnya diberi tempat di pengajian-pengajian tinggi. Seolah-olah kalau sudah ada kelulusan yang cukup di peringkat Tingkatan 6 ataupun tamat persekolahan, mereka mempunyai tanggapan berhak untuk mendapat tempat di universiti-universiti.

Jadi ini merupakan satu tanggapan yang agak tidak tepat di dalam sebuah masyarakat yang sedang membangun ini. Kerana kita terpaksa memastikan bahawa masyarakat tadi dapat mengimbangkan tanggapan mereka di antara kelulusan dan kemahiran

dengan keperluan dalam pasaran. Tidak semestinya seseorang tadi mempunyai kemahiran yang diminta oleh pasaran, semata-mata mereka mempunyai kelulusan di peringkat yang paling tinggi dari segi pembelajaran mereka.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Jadi, Tuan Pengerusi, ini adalah merupakan sebab-sebab yang dapat saya berikan mengapa kerjasama sepatutnya wujud di antara Kementerian Buruh, Kementerian Pelajaran dan juga di pihak Jabatan Perdana Menteri iaitu khususnya di MAMPU dan lebih penting lagi kerjasama dengan pihak swasta, supaya satu "Manpower Planning" ini dapat kita wujudkan.

Saya tidak mengatakan bahawa dengan adanya planning ini maka kesemua masalah dari segi penggunaan tenaga manusia akan dapat diatasi, tetapi sekurangnya "Manpower Planning" ini akan memberi kita satu asas untuk kita membuat perancangan berdasarkan kepada kemungkinan-kemungkinan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat kita dan khususnya dalam industri kita dan dalam ekonomi kita menurut permintaan yang ada di antara sektor-sektor yang saya sebutkan tadi.

Itulah serba sedikit pandangan-pandangan daripada saya untuk ditimbang oleh pihak Kementerian Buruh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.30 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Tuan Pengerusi

kepada muka surat 204, Maksud Bekalan B. 45, Butiran 040000—Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja dan saya hendak cakap atas Program/Aktiviti 040100—Keselamatan Perindustrian.

Berhubung dengan Keselamatan Perindustrian, saya suka mencadangkan kepada Kementerian berkenaan supaya mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperkenalkan satu dasar kebangsaan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja. Dasar ini sangat perlu bagi menyelesaikan punca-punca kemudharatan kesihatan pekerja di tempat kerja, di samping mencegah atau sekurang-kurangnya mengurangkan kecederaan industri dan kesihatan kepada pekerja-pekerja di tempat kerja mereka. Negara kita masih belum memperkenalkan dan melaksanakan satu dasar kebangsaan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja. Dengan ketiadaan dasar ini kita tidak mampu menyelesaikan masalah-masalah keselamatan dan kesihatan pekerja dengan cara yang berkesan. Adalah tidak mencukupi dengan hanya mempunyai Akta Kilang dan Jentera, 1967 dan 13 peraturan bagi mengendalikan masalah keselamatan dan kesihatan pekerja memandangkan proses perindustrian yang pesat dalam negara kita dan kemudharatan kesihatan pekerja yang ada sekarang dalam negara kita.

Usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan para pekerja setakat ini ditumpukan kepada penguatkuasaan undang-undang dengan menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan di tempat-tempat kerja, jentera dan tindakan pendakwaan ke atas majikan-majikan yang degil. Jika sedemikian adalah diragukan sama ada Jabatan Kilang dan Jentera berupaya menjalankan tanggungjawab penguatkuasaan dengan berkesan memandangkan

tenaga pekerja dan kakitangan dan punca-punca kewangan Jabatan sangat terhad.

Adalah bersesuaian bagi saya menyatakan di sini bahawa berikutan satu bandan yang dijalankan oleh Kesatuan Pekerja Industri Elektrik ke atas 36 syarikat pada pertengahan tahun 1985 hanya Jawatankuasa Kesatuan dari 9 buah syarikat sahaja menyedari bahawa pegawai-pegawai Jabatan Kilang dan Jentera melawat kilang-kilang. Baki 27 buah syarikat pula, Jawatankuasa Kesatuan Sekerja masing-masing tidak menyedari pegawai-pegawai Jabatan Kilang dan Jentera ada melawat kilang-kilang mereka.

Adalah jelas ditegaskan di sini bahawa peranan Jabatan Kilang dan Jentera tidak sahaja terhad kepada penguatkuasaan sahaja, tetapi juga memberikan latihan keselamatan untuk penyelia-penyelia, pengurus dan juga perkhidmatan teknik dan perundingan kepada industri-industri. Hendaklah ada pendedahan dan penyibaran maklumat mengenai bahaya-bahaya kemudharatan kesihatan pekerja dalam industri-industri serta penyelidikan ke dalam berbagai bentuk kemudharatan kesihatan.

Sebenarnya masa telah tiba untuk menubuhkan sebuah Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Malaysia bagi menjalankan program latihan menyediakan perkhidmatan teknik kepada industri mengutip dan menyebarkan maklumat dan menjalankan penyelidikan ke atas masalah-masalah keselamatan dan kesihatan.

Berhubung dengan membiayai sebuah institut ini, ia boleh dilakukan menerusi cara-cara yang berikut:

- (1) dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan yang mana dalam hal ini institut ini menjadi sebuah Jabatan Kerajaan;

- (2) dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta yang mana dalam hal ini ia menjadi sebuah badan swasta; dan
- (3) dibiayai sepenuhnya oleh PERKESO atau SOCSO yang mana ia menjadi sebahagian dari SOCSO sendiri.

Memandangkan kemerosotan ekonomi sekarang adalah sukar bagi Kerajaan atau sektor swasta bertanggungjawab dari segi kewangan sama ada secara individu atau kolektif untuk menubuhkan institut ini. Satu perkara yang sesuai dilakukan ialah bagi SOCSO untuk membiayai institut itu sendiri sepenuhnya.

Saya mencadangkan di sini bahawa Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dengan dibiayai oleh badan SOCSO. Ini mungkin boleh dilakukan kerana kedudukan kewangan SOCSO yang teguh dan memandangkan peruntukan di bawah seksyen 71(7) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang menyatakan bahawa wang tersebut boleh digunakan untuk meningkatkan taraf kesihatan keselamatan pekerja dan kebajikan orang-orang diinsuranskan.

Keperluan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja adalah sesuatu yang perlu disegerakan memandangkan kejadian kemalangan industri yang berterusan berlaku dalam negara ini. Dalam tahun 1982 sebanyak 56,698 kes yang dilaporkan, dalam tahun 1983 sebanyak 56,114 kes dan dalam tahun 1984 sebanyak 61,084 kes yang dilaporkan.

Saya suka mencadangkan bahawa masanya juga telah tiba bagi Kerajaan mengkaji pengemukaan lebih awal satu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja bagi menjamin keselamatan kesihatan dan kebajikan para pekerja, di samping menggalakkan satu alam sekitar pekerjaan yang sesuai untuk pekerja.

Sekarang saya ingin berhubung kepada 03000 mengenai Aktiviti Keharmonian Perhubungan Perusahaan. Berhubung dengan perkara keharmonian perhubungan pemsahaan, saya suka menyentuh etika kelakuan untuk keharmonian perusahaan yang berkaitan dengan masalah kelebihan atau, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, "redundancy" dan pemberhentian pekerja atau "retrenchment", dengan izin. Kod ini yang merupakan satu perjanjian yang dibuat antara Persatuan Majikan Malaysia dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia untuk merumus garis panduan-garis panduan tertentu bagi menggalakkan keharmonian perusahaan yang dipadankan dari Kod Amalan United Kingdom, dengan izin, "Code of Practice U.K." dengan mempunyai satu perbezaan yang utama yang mana Kod United Kingdom ialah satu dokumen yang mempunyai kuatkuasa undang-undang, sementara kod yang diamalkan di negara kita tidak dikuatkuasakan oleh undang-undang dan pelaksanaannya pula terletak di atas budibicara dua pihak. Memandangkan kod kelakuan untuk keharmonian perusahaan tidak dikuatkuasakan menurut undang-undang, maka ramai pihak majikan tidak mematuhi dan tidak menggunakan garis panduan yang ditetapkan apabila tindakan pemberhentian kakitangan hendak dibuat.

Dalam masa kemelesetan sekarang bukanlah satu yang luar biasa jika kita mendapati pekerja-pekerja diberikan notis pemberhentian kerja dalam tempoh 24 jam ataupun ditampalkan notis di pintu masuk kilang sebagai memberitahu tindakan atau kedudukan mereka ataupun diberitahu pada akhir giliran kerja bahawa mereka tidak diperlukan datang bekerja keesokan hari. Tidak ada penerangan diberikan, tidak ada amaran dibuat terlebih dahulu dan tidak ada penjelasan.

Tambahan kepada ini pula, terdapat majikan yang menggunakan kemelesetan ekonomi sebagai alasan untuk membuang pekerja yang disifatkan sebagai penimbul masalah ataupun, dengan izin, "trouble maker" kerana tuntutan kesatuan untuk pengiktirafan, kerana tuntutan bayaran gaji yang lebih baik dan syarat-syarat perkhidmatan dan lain-lain. Semua masalah ini timbul kerana kita masih belum mempunyai undang-undang yang menghendaki majikan-majikan memberi notis lebih awal dan tidak ada majikan yang perlu melaksanakan tindakan pengurangan kakitangan dengan teratur.

Dengan ini terdapat satu keperluan untuk memperkenalkan satu Kod Amalan tentang pemberhentian kakitangan yang dikuatkuasakan oleh undang-undang dan satu garis panduan wajib yang menghendaki pengurusan memberikan notis lebih awal mengenai tindakan pemberhentian kakitangan atau lebih awal atau pada masa yang sama membuat perundingan dengan wakil-wakil pekerja atau kesatuan mereka.

Adalah juga menjadi tanggungjawab untuk memberitahu Kementerian Buruh terlebih awal bagi membolehkan pihak berkuasa menimbang program-program penempatan semula, penggantian semula, latihan dan lain-lain. Satu undang-undang baru mengenai lebih dan pemberhentian kakitangan hendaklah diperkenalkan.

Keperluan menjadi begitu besar memandangkan lebih 80% tenaga pekerja kita tidak mempunyai pertubuhan atau kesatuan tidak berada dalam kod untuk tawar-menawar bagi menghentikan atau menyekat tindakan-tindakan majikan yang tidak adil dan tidak munasabah. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

*4.40ptg.*

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1987 bagi Kementerian saya. Semua pandangan, teguran dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah tentu akan dapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana banyak daripadanya telah pun diberikan jawapan yang sejelas-jelasnya semasa sesi Soal-Jawab dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya suka menjawab beberapa perkara tertentu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertamanya ialah Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang telah membangkitkan perkara yang pertama iaitu berkenaan dengan meluaskan program latihan perindustrian. Pada masa ini terdapat 5 buah Institut Latihan Perindustrian yang telah sedia ada dan berjalan iaitu Institut Latihan Perindustrian Di Kuala Lumpur, Perai, Pasir Gudang, Kuala Terengganu dan juga Labuan. Sebagai tambahan daripada itu terdapat sebuah pusat latihan mengajar dan kemahiran lanjutan ditubuhkan oleh Kementerian ini. Sebagai tambahan untuk memperluaskan Institut Latihan Perindustrian ini, Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk membina 5 buah lagi Institut Latihan Perindustrian iaitu di Ipoh, Kuantan, Melaka, Alor Star dan Kota Bharu. Kerja-kerja pembinaan bagi kelima-lima buah institut latihan ini telah bermula pada bulan November, 1986.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu.....

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** (Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tak boleh dengar, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Kerajaan akan menambahkan lagi Institut Perindustrian di negara kita. Jadi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimanakah syarat-syarat kemasukan dan cara-cara Kerajaan menyebarkan maklumat ini kepada orang ramai untuk memasuki institut ini?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, bagi penjelasan kepada soalan daripada Yang Berhormat sebentar tadi, kita menggunakan suratkhbar ataupun mengiklankan di dalam suratkhbar berkenaan dengan latihan kita ini dan di samping itu juga menggunakan media-massa yang lain seperti radio dan televisyen untuk memberitahu orang ramai bahawa terdapat latihan di bawah institut latihan ini. Jadi, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap dapatlah memerhatikan iklan-iklan ini yang akan disiarkan di akhbar-akhbar untuk memberitahu kepada orang ramai.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung penjelasan saya ataupun jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan seterusnya oleh Ahli dari Sabak Bernam.

Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan ceramah-ceramah ataupun bimbingan

kerjaya yang diadakan oleh Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya. Memang ceramah-ceramah serta bimbingan-bimbingan, penerangan-penerangan sentiasa diberikan kepada kalangan belia-belia dan juga pelajar-pelajar berkenaan dengan kerjaya. Perkara ini diteruskan dari masa ke semasa, iaitu mengikut kemampuan dan juga keupayaan yang terdapat dalam Jabatan Tenaga Rakyat.

Jabatan ini juga sedang mengusahakan siri buku-buku panduan kerjaya bagi pelajar-pelajar sekolah yang akan meninggalkan bangku sekolah dan kepada belia-belia yang sedang mencari kerja ataupun yang menganggur untuk memilih bidang kerjaya mereka. Setakat ini hanya sebuah buku baru dikeluarkan. Usaha-usaha sedang dijalankan seterusnya untuk menerbitkan lebih banyak lagi siri-siri buku berkenaan dengan panduan kerjaya ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh berkenaan dengan Skim Keselamatan Sosial. Untuk makluman Yang Berhormat yang berkenaan, Skim Keselamatan Sosial ini akan diperluaskan untuk meliputi lebih ramai pekerja-pekerja. Di samping itu, faedah-faedah keselamatan sosial pekerja-pekerja akan diperbaiki lagi dari masa ke semasa. Pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 akan dibentangkan dalam Mesyuarat Parlimen yang akan datang ini bagi memperkemaskan lagi kedudukan Akta ini.

Berkenaan dengan Akta Pampasan Pekerja, 1982, Akta ini untuk makluman Yang Berhormat meliputi bayaran pampasan kepada pekerja-pekerja yang cedera ataupun mati semasa menjalankan pekerjaan sahaja. Jadi, bagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat untuk meliputi soal pekerja-pekerja yang dibuang kerja, itu termasuk di dalam Akta dan peraturan yang lain.

Menyentuh perkara yang sama juga, bayaran faedah pemberhentian kerja seperti yang disebut oleh Yang Berhormat itu dibayar di bawah Peraturan Penamatan dan Renti Kerja, 1980.

Berkenaan dengan cuti bersalin, dalam Akta Kerja, 1955, bukan 42 hari seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, tetapi sebenarnya ialah 60 hari yang diberikan kepada wanita yang bersalin.

Berkenaan dengan pendaftaran Kesatuan Sekerja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, Kementerian saya sentiasa mengawasi perkara ini. Di bawah perbekalan Akta Kesatuan Sekerja terdapat perbekalan yang melarang seseorang pegawai dalam mana-mana parti politik menjadi pegawai majlis tertinggi atau exco kesatuan. Jika terdapat pelanggaran perbekalan Akta ini, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Berkenaan dengan Akta Sekatan Kerja, Yang Berhormat telah membangkitkan bahawa peluang-peluang pekerjaan dalam negara kita ini telah diambil oleh warganegara asing yang datang untuk mencari pekerjaan di tempat kita. Akta ini dikuatkuasakan dengan teliti oleh Kementerian saya dengan diberikan keutamaan pekerjaan kepada warganegara kita sendiri melainkan tidak ada warganegara yang sesuai untuk menjawat sesuatu jawatan, maka kita pertimbangkan permohonan bagi mendapatkan pekerja-pekerja daripada negara lain.

Sukacita saya menjelaskan di sini kepada Ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi matlamat kita untuk memberikan semua kerja-kerja yang ada dalam negara kita ini kepada warganegara kita, tetapi apa yang

terjadi pada masa ini ialah bagi kerja-kerja di dalam sektor perladangan dan juga binaan, terutamanya di tempat-tempat yang terpencil yang jauh daripada kawasan yang membangun di kawasan-kawasan pembangunan tanah, warganegara kita sendiri tidak berminat untuk bekerja di ladang-ladang yang berkenaan. Jadi, dalam keadaan seperti ini tidak dapat dielak menggunakan pekerja-pekerja daripada negara yang lain. Dalam kedudukan seperti ini maka ini tidak menjejaskan peluang-peluang pekerjaan bagi warganegara kita sendiri. Jadi, saya mengambil peluang ini menyeru supaya dapat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menggalakkan belia-belia kita ini bekerja di ladang-ladang untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Puchong ada menyentuh berkenaan dengan Mahkamah Perusahaan. Sebenarnya dalam Mahkamah Perusahaan ini adalah mencukupi pekerja-pekerja yang mengendalikan urusan daiam Mahkamah Perusahaan ini. Itu sahaja yang dapat saya jelaskan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli dari Puchong berkaitan dengan pindaan-pindaan Akta Kerja 1965, seperti Ahli Yang Berhormat sendiri maklum pindaan-pindaan ini meliputi sepertimana yang dicadangkan, kadar kerja lebihmasa, kadar gaji bagi kerja pada hari Cuti Am, faedah penamatan dan renti-kerja dan definisi gaji. Jadi pindaan-pindaan ini bukanlah dibuat untuk menekan pekerja sebenarnya, tetapi adalah dibuat untuk menyesuaikan dengan keadaan-keadaan pada masa ini terutamanya ketika negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi.

Walau bagaimanapun, pindaan ini tidaklah harus dipandang sebagai

usaha untuk menekan para pekerja, tetapi haruslah dipandang sebagai usaha untuk memperbaiki keadaan supaya syarikat-syarikat dan juga majikan-majikan dapat meneruskan perusahaan dan perniagaan mereka. Pihak Kementerian saya sendiri akan mengambil perhatian supaya apa-apa juga pindaan ini tidak akan membebankan para pekerja seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi dan kita akan memikirkan faedah semua pihak, di antara para pekerja, majikan dan negara pada amnya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang iaitu masalah Perancangan Gunatenaga Kebangsaan. Sukalah saya jelaskan, seperti Yang Berhormat sebutkan dalam soalan tambahan yang dikemukakan dahulu, soal Perancangan Gunatenaga Kebangsaan ini ianya bukan melibatkan Kementerian saya sahaja, malah melibatkan Kementerian Pelajaran, Jabatan Perkhidmatan Awam dan beberapa Jabatan serta Kementerian-kementerian yang lain. Walaupun demikian, pada pandangan saya cadangan ini adalah baik, tetapi haruslah diutarakan kepada pihak-pihak ataupun Kementerian yang berkenaan.

Sungguhpun begitu, suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Ledang berkenaan dengan khas untuk sektor swasta tentang Perancangan Gunatenaga Kebangsaan ini yang mana baru sahaja diputuskan oleh Kerajaan, diletakkan di bawah Kementerian saya. Kita sedang mengatur serta mengkaji dan akan menjalankan tugas-tugas yang baru diberikan kepada Kementerian ini, iaitu menggubal tentang Perancangan Gunatenaga bagi sektor swasta untuk diuruskan. Bagi seluruhnya peringkat Kebangsaan selain daripada peringkat sektor

swasta ini bukanlah tanggungjawab di bawah Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang iaitu penubuhan Institut Keselamatan dan Kesihatan Perusahaan. Majlis Penasihat Keselamatan dan Kesihatan Pekerja-pekerja yang telah ditubuhkan dan bermesyuarat buat kali pertamanya pada bulan September 1985 telah mengesyorkan supaya:

- (i) Akta baru berkenaan dengan kesihatan dan keselamatan pekerja digubal dan dikuatkuasakan; dan
- (ii) satu Institut Keselamatan dan Kesihatan ditubuhkan.

Lanjutan daripada syor-syor tersebut, Kerajaan sekarang sedang menggubal satu Akta baru untuk menggunakan falsafah Lord Roben iaitu tanggungjawab ke atas keselamatan atau kesihatan pekerjaan adalah di atas pihak majikan dan pekerja.

Kerajaan juga pada masa ini membuat perancangan untuk menubuhkan satu Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan fungsi-fungsi berikut:

- (i) memberi latihan kepada pekerja-pekerja dan majikan;
- (ii) mengedarkan maklumat-maklumat;
- (iii) memberi perkhidmatan kepada pengilang-pengilang; dan
- (iv) mengadakan penyelidikan berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja.

Menyentuh berkenaan dengan keharmonian perusahaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.....

**Tuan Lee Lam Thye: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi beliau ada menyatakan bahawa Kementerian beliau bercadang untuk menubuhkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Suka saya mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila agaknya pihak Kementerian dapat menubuhkan Institut ini dan apakah masalah-masalah yang dialami oleh pihak Kementerian? Adakah masalah ini berkenaan dengan kewangan, dan jika masalahnya ada berkait dengan kewangan, mengapa pihak Kementerian beliau tidak boleh menggunakan caruman dari PERKESO untuk menubuhkan Institut ini?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Penasihat Keselamatan ini adalah satu Majlis yang ditubuhkan untuk menasihatkan Menteri berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan kesihatan dan kesejahteraan pekerja-pekerja dan Majlis ini dalam mesyuaratnya pada bulan Septcember 1985 telah mengesyorkan pcnubuhan Institut ini. Jadi, kita berpandangan adalah baik ditubuhkan Institut Keselamatan ini di atas syor Majlis ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Majlis ini dianggotai oleh wakil dari pekerja-pekerja, majikan, pihak Kerajaan, Jabatan-jabatan dan beberapa Agensi yang lain. Jadi menyetuh berkenaan dengan perkara bila untuk diadakan ini, prkara ini sedang di dalam perancangan, jadi ia memerlukan kemahiran untuk menubuhkan Institut ini kerana

Institut seperti ini tidak pernah lagi ditubuhkan di negara kita. Jadi perancangan ini termasuklah mendapatkan expert, tenaga mahir ataupun kemahiran dan kepakaran daripada ILO dan wakil ILO ini akan datang untuk menyelesaikan dan juga menguruskan cadangan kita ini pada tahun 1987 untuk membuat kajian ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya meneruskan sedikit sahaja lagi penjelasan ini kepada perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu berkenaan dengan keharmonian perusahaan. Kementerian sentiasa mcngawasi khasnya di bawah Jabatan Tenaga Rakyat bahawa majikan-majikan tidak menggunakan alasan keadaan kemelesetan ekonomi ini untuk memberhentikan pekerja-pekerja mereka. Bila terdapat kes-kes pemberhentian kerja, kita akan memeriksa sama ada benar dakwaan bahawa pemberhentian pekerja itu adalah kerana kesusahan dan kesulitan syarikat itu. Jadi tidaklah sewenang-wenangnya syarikat-syarikat ini boleh membuang pekerja mereka begitu sahaja tanpa alasan yang kuat untuk mereka berbuat demikian. Secara umumnya syarikat-syarikat ini tidaklah sesuka hati membuang pekerja mereka di dalam keadaan yang baik mereka memerlukan pekerja mereka terutamanya pekerja mereka ini telah berpengalaman, mereka telah tahu kedudukan pekerja mereka dan tidak ada sebab mereka hendak membuang begitu sahaja.

Walau bagaimanapun, seperti saya sebutkan, kita senantiasa memerhatikan bahawa keadaan ini berlaku dan dibuat sebenar-benarnya sebagai langkah yang terakhir yang tidak dapat dielakkan lagi oleh majikan tersebut yang terpaksa juga membuang kerja mereka di atas kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Kementerian saya akan pastikan

bahawa pkerja-pekerja yang dibuang kerja ini mendapat faedah-faedah seperti yang diperuntukkan oleh Akta yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekian sahajalah yang dapat saya jawab dan memberi ulasan dalam perkara-perkara yang dibangkitkan di bawah Kementerian saya ini iaitu Kementerian Buruh, dan mana-mana perkara yang tidak dapat saya jawab secara khusus, perkara-perkara ini telah diambil perhatian dan juga catatan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya dan seterusnya kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi dan melaksanakan cadangan-cadangan dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$49,811,700 untuk Maksud B. 45 di bawah Kementerian Buruh jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$49,811,700 untuk Maksud B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$35,481,100 yang disebutkan dalam Maksud P. 45 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$35,481,100 untuk Maksud P. 45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1987.

*Maksud B. 46, B. 47 dan B. 48 (Jadual)—*

*Maksud P. 46, P. 47 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan di bawah Kepala Bekalan B. 46 hingga B. 48 dan Kepala Pembangunan P. 46 hingga P. 48 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

*5.01 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, muka surat 211, Butiran 020000—Alam Sekitar, serta muka surat 211, Butiran 00500—Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, bagi tahun 1987, peruntukan pengurusan dianggarkan bernilai \$8.85 juta, manakala peruntukan pembangunan sebanyak \$3.89 juta diberi secara langsung kepada aktiviti ini, maka pada keseluruhannya peruntukan yang diben bagi tahun 1987 adalah kira-kira \$12.7 juta. Aktiviti kawalan pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar berupa aktiviti yang menerima jumlah peruntukan yang kedua besarnya di dalam Kementerian ini. Namun demikian, laporan prestasi aktiviti tidak direkodkan di dalam buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1987. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak Kementerian akan terus berusaha untuk mengawal pencemaran alam sekitar terutamanya pencemaran udara dan pemuangan sisa-sisa perindustrian khususnya sisa-sisa radioaktif.

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian telah menuntut dalam jawapan kepada soalan saya pada 3hb November, 1986, bahawa pencemaran udara yang dilakukan oleh ketiga-tiga kilang—Associated Steel Mill, Chemical Company of Malaysia dan Cast Iron Products, dengan izin, adalah terkawal dan sentiasa diawasi. Di sini, saya berpendapat bahawa ketiga-tiga kilang ini, terutamanya Associated Steel Mill

masih melakukan pencemaran udara serta kebisingan yang buruk dan saya telah dengan berkali-kali menerima aduan daripada para penduduk yang tinggal di persekitaran kilang-kilang tersebut.

Tuan Pengerusi, dalam beberapa tahun ini, pihak Kerajaan terutamanya Kerajaan Negeri Selangor telah membuat kajian ke atas Chemical Company of Malaysia (CCM) di sempadan negeri Selangor—di sempadan daerah Shah Alam dengan daerah Kelang—kerana kilang ini menyebabkan pencemaran yang serius, dan kajian-kajian dalam beberapa tahun ini tidak pernah diumumkan.

Saya berharap Kerajaan dapat mengumumkan laporan yang lengkap ke atas kajian-kajian tersebut supaya rakyat jelata terutamanya para penduduk di sekitar kilang CCM ini dapat mengetahui apa sahaja yang berlaku di kawasan itu dan apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan penyelarasan di antara Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, ada juga aduan-aduan yang diterima oleh saya mengenai Associated Steel Mill (ASM). Walaupun pihak Kementerian menjawab kepada saya melalui surat ataupun di dalam Dewan yang mulia ini bahawa keadaan pencemaran udara dan bunyi bising telah terkawal, akan tetapi saya sendiri menyaksikan asap yang dikeluarkan daripada ASM ini. Saya percaya, kalau saya sendiri dengan panca-indra manusia ini dapat menyaksikan asap yang kotor dan juga mendengar bunyi bising ini, ini menunjukkan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian tidak berkesan.

Saya diberitahu bahawa walaupun satu kilang khas diadakan untuk

mengawal asap-asap yang kotor daripada proses besi ini, tetapi dari masa ke semasa pihak kilang tidak menggunakan kilang khas ini untuk membersihkan asap yang kotor ini. Saya berharap pihak Kementerian dapat menyiasat sama ada aduan ini benar ataupun tidak. Walau bagaimanapun, saya pun merasa hairan mengapa kilang seperti ini dapat diadakan di kawasan di mana terdapat taman-taman perumahan? Taman-taman ini terletak di situ terlebih awal daripada kilang dan saya pun berasa bingung mengapa pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak Kerajaan Negeri dapat meluluskan kilang seperti ini, seolah-olah hendak mencemarkan udara dan mewujudkan bunyi bising untuk para penduduk di sekitar itu.

Dengan hujah saya ini, saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil tindakan yang lebih tegas lagi termasuk cadangan untuk memindahkan kilang ini. Saya ada berjalan dan menyaksikan dengan sendiri di kawasan ASM itu. Saya berpendapat kalau kilang itu dapat dipindahkan ke belakang sedikit, ini dapat mengelakkan pencemaran dan aduan daripada para penduduk.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Satu minit lagi? Ya, cukuplah satu minit, Tuan Pengerusi, untuk sisa-sisa radioaktif yang diwujudkan oleh Syarikat Rare Earth ini.

Saya berpendapat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak memainkan peranan yang efektif serta PUSPATI tidak begitu aktif di dalam bidang ini sehingga membenarkan Syarikat Asian Rare Earth mengeluarkan "thorium hydroxide" ini untuk mencemarkan alam sekitar. Pada pendapat saya walaupun ini bukan sisa-sisa nuklear "thorium hydroxide" merupakan

bahan radio aktif dan kalau tidak dikawal, tidak dibuang dengan cara-cara yang sempurna dia boleh mengakibatkan kesan-kesan yang buruk ke atas manusia. Walaupun jaminan diberi oleh Kementerian tersebut dengan berulang kali, saya masih berpendapat langkah-langkah yang telah diambil belum mencukupi termasuk pembuangan sisa-sisa ini di Bukit Bendera yang berdekatan dengan Bukit Merah. Ini terlalu dekat dengan kawasan di mana ada banyak penduduk. Dengan ini nampaknya Tuan Pengerusi pun tidak boleh tahan lagi, begitu penting, begitu dahsyat sisa-sisa radio aktif ini yang tidak dapat dikawal oleh Kementerian termasuk tidak begitu berkesannya peranan yang dimainkan oleh PUSPATI.

Dengan ini saya berharap pihak Kementerian dapat mengkaji semula dasar dan langkah yang diambil terhadap apa yang telah saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tiada lagi? Yang Berhormat dari Maran.

5.13ptg.

**Tuan Mohamed bin Abdullah (Maran):** Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada muka surat 211, Butiran 03000 dan 212 Butiran 00400 iaitu mengenai Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Kalau kita melihat kedua-dua peruntukan tersebut ialah berjumlah \$10,776,800.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak menyarankan di sini ialah mengenai Jabatan Perhilitan yang mana Jabatan ini ialah Jabatan yang menjaga kehidupan liar termasuklah gajah dan sebagainya. Tetapi oleh kerana negara kita telah meluaskan pembukaan tanah terutama sekali FELDA maka binatang-binatang liar tidak ada tempat lagi untuk

berlindung. Oleh itu binatang-binatang ini terutama sekali gajah telah masuk ke kampung-kampung lama dan gajah-gajah ini bukan sahaja menakutkan kepada petani-petani untuk mencari pendapatan seperti memotong getah dan sebagainya tetapi gajah-gajah ini juga membinasakan pokok-pokok, tanaman-tanaman dan juga pokok-pokok kelapa sawit yang ditanam oleh penduduk-penduduk.

Jadi, apabila gajah ini membinasakan tanaman-tanaman mereka maka mereka hendak menghapuskan binatang-binatang ini bukan sahaja mereka tidak mampu oleh sebab gajah itu besar oleh kerana tidak ada senapang gajah tetapi juga mereka telah dilarang bahkan ditangkap dan dihukum kalau sekiranya binatang itu dibunuh.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Ada di antara mereka menyatakan bahawa seolah-olah Kerajaan ini lebih sayang kepada binatang iaitu gajah daripada manusia yang perlukan kepada pendapatan. Memang kadangkala dakwaan yang dibuat oleh mereka ini adalah benar kerana gajah tidak boleh dihapuskan, tanaman mereka habis dimakan oleh gajah dan mereka telah kurang mendapat pendapatan. Tambahan pula kadangkala harta-harta ataupun tanaman-tanaman yang dibinasakan oleh gajah ini lebih mahal ataupun belanjanya lebih besar jikalau kita memindahkan binatang-binatang itu ke tempat lain. Jadi, perkara ini selalu berlaku setahu saya di negeri Pahang memanglah antara negeri yang sering berlaku kejadian di mana tanaman orang-orang kampung baik getah muda ataupun kelapa sawit telah dibinasakan oleh gajah-gajah ini. Oleh itu walaupun perkara ini mungkin di bawah Kerajaan Negeri maka saya mengharapkan supaya Kementerian

Sains. Teknologi dan Aiam Sekitar mengambil tindakan bersama dengan Kerajaan Negen supaya memindahkan gajah-gajah liar yang membinasakan tanaman penduduk-penduduk tersebut supaya gajah-gajah itu dipindah ke tempat-tempat tertentu.

Saya percaya di antara peruntukan ini mungkin boleh digunakan bagi memindahkan gajah-gajah tersebut terutamanya di negeri Pahang ke Taman Negara. Di Taman Ncgara apa yang diperlukan ialah supaya pemeliharaan hutan dan keluasanya hendaklah ditetapkan. Janganlah ada pula di masa yang akan datang Kerajaan akan mengecilkan kawasan Taman Negara. Kalau sekiranya Taman Negara ini dikecilkan kawasannya di mana pula gajah-gajah ataupun binatang-binatang liar ini hendak ditempatkan. Saya tidak nampak skiranya semua gajah-gajah itu boleh disimpan di Zoo Negara kerana kawasan itu makin han makin sempit sekarang ini, kawasan perumahan sahaja di sekeliling Zoo Negara telah penuh sehinggakan kalau kita pergi ke Zoo Negara apabiia kita melawat sedikit bukan binatang yang kita lihat tetapi rumah di sekeliling Zoo Negara yang kelihatan.

Jadi perlulah pihak Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian yang serius mengenai perkara ini supaya Taman Negara itu dipehhara demi untuk memelihara binatang-binatang yang kita katakan ini, sebab kita masih menyatakan bahawa kalau kita tidak memelihara binatang-binatang liar ini mungkin anak cucu kita akan datang tidak dapat melihatnya. Jadi kepentingan keduanya ada belaka. baik kita memelihara binatang ataupun menjaga keselamatan penduduk. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.20 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 020000— Alam Sekitar. Saya juga ingin membaca dari buku Rancangan Malaysia Kelima. muka surat 315, bab ke-9 seperti berikut—Pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar daripada pengusahaan sumber-sumber alam secara berlebihan dan pencemaran alam sekitar akan menjadi bertambah penting dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima bagi membolehkan negara mencapai, antara yang lain, pertumbuhan ekonomi yang diharapkan serta mengekalkan kegiatan sosio-ekonomi yang berterusan.

Tuan Pengerusi, dari perkataan-perkataan tersebut kita mendapati bahawa perlindungan alam sekitar menjadi kurang penting. Ia menjadi suatu means to an end. dengan izin. scbagai satu bahan pcrseimbangan kepada pembangunan sosio-ekonomi dan keadaan ini merupakan satu kcadaan yang amat membahayakan. Oleh kerana keutamaan yang rendah diben kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. negara kita akan menghadapi masalah-masalah yang amat besar khususnya memandangkan negara kita melancarkan beberapa projek perindustrian supaya membangun sosio-ekonomi negara kita.

Sebelum saya menyentuh kepada environmental impact assessment ataupun proses penilaian kesan alam sekitar (PKAS). sebelum saya membuat demikian. izinkan saya memberitahu kepada Dewan ini satu cerita yang diberitahu kepada saya oleh seorang Iban dan kawasan Bakun. Orang Iban ini, anak Sarawak dari bumi Kenyalang mengatakan bahawa rakyat Iban tidak dibandingkan dengan monyet jikalau diperiksa dari segi.....

**Tuan Justine anak Temenggong Jinggut:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada orang bangun.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Beri saya sedikit chance, habiskan ayat saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ben Yang Berhormat habis dahulu.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Orang Iban tidak serupa monyet yang dilindungi oleh negara kita dan kalau Yang Berhormat dari Ulu Rajang mahu membuat bantahan kerana saya menghina rakyat Iban, saya suka memberitahu kepadanya, ini bukan perkara seperti dia percaya oleh kerana itu adalah satu cerita yang amat menarik, kalau dia boleh sabar sedikit.

**Tuan Justine anak Temenggong Jinggut:** Minta jalan, Tuan Pengerusi,

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya.

**Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Bandar Kuching. adakah beliau sedar bahawa di kawasan Bakun iaitu di Daerah Belaga, tidak ada penduduk orang Iban. hanya diduduki oleh orang Kayan, Kenyah, Sekapan, Kejaman dan Penan?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya percaya, Tuan Pengerusi, dalam kawasan yang diliputi oleh projek empangan Hydro Elektrik Bakun, penduduk sebanyak 4,500 orang terdiri daripada 6 masyarakat termasuklah Ukit, Penan, Kenya, Kayan dan sebagainya. Ya, saya tahu. Tetapi orang Iban ini dari kawasan Pelagu yang dekat dengan Bakun sahaja dan ia.....

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tunjukkan Kod nombor berapa?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Boleh. Butiran 020000—Alam Sekitar berkaitan dengan perlindungan alam sekitar dari pandangan orang pribumi dari Sarawak. Okay, bolehkah saya teruskan. Tidak ada bantahan?

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Boleh.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Terima kasih. Orang Iban ini namanya Jeffrey, dia cakap, monyet dari kawasan Empangan Tembeling dapat diselamatkan dengan Kerajaan menarik balik projek ini kerana bantahan daripada pertubuhan-pertubuhan alam sekitar, tetapi walaupun orang-orang tempatan di Bakun dan sekelilingnya membantah dengan sekeras-keras tentang projek Hydro Elektrik Bakun yang dirancangkan, tetapi sehingga hari ini pihak Kerajaan masih terus meneruskan dengan melaksanakan projek ini dalam prinsipnya.....

**Tuan Justine anak Temenggong Jinggut:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, Yang Berhormat.....

**Tuan Sim Kwang Yang:** .... oleh yang demikian mereka pun bercakap, mereka pun tidak dapat dibandingkan dengan monyet pun.

**Tuan Justine anak Temenggong Jinggut:** On a point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Point of order.

**Tuan Justine anak Temenggong Jinggut;** Peraturan Mesyuarat 36(10)(c), "perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan.....", Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah mengatakan bahawa orang Iban adalah serupa dengan monyet dan saya percaya ini akan menaikkan perasaan dan sebagai kaum Iban dari Sarawak. saya ingin mendapat satu ruling laitu supaya Ahli Yang Berhormat dan Bandar Kuching menarik balik perkataan orang Iban dengan monyet.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu salah dengar. Saya tidak berkata demikian. Beri saya chance.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Nanti. duduk Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dan Ulu Rajang tadi bahawa Yang Berhormat ada menyebut perkara ini mengatakan orang Iban seperti monyet. Dalam konteks apa pun, saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya tidak ada kata pun demikian, bagaimana saya boleh tarik balik? Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Nanti sekejap. Saya cakap orang Iban beritahu saya. dia tidak serupa monyet.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya dengar ada. Yang Berhormat.....

**Tuan Justine anak Temenggong Jinggut:** Tarik balik.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat .....

**Tuan Sim Kwang Yang:** Jikalau ada. saya tarik balik. Saya bercakap sekali lagi. mereka tidak serupa monyet oleh kerana itu monyet.....

**Tuan Justine anak Temenggong Jinggut:** Saya minta dia tarik balik. Tuan Pengerusi.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi mesti memberi perhatian lebih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk! Saya minta jangan dikaitkan satu-satu kaum dengan apa-apa juga binatang seperti ini,

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tidak sama sekali. Bukan tujuan saya.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Okay. saya teruskan. Keutamaan yang rendah sedang dan selalu diberi kepada pertimbangan perlindungan alam sekitar. Maka walaupun Environmental Quality Act telah dipinda tahun lalu yang memerlukan projek-projek baru untuk menjalankan penilaian kesan alam sekitar sebelum projek-projek itu dilaksanakan. walaupun demikian. tetapi yang pertamanya EIA ini hanya diperlukan bagi kegiatan-kegiatan yang prescribed, yang ditetapkan oleh Kementerian sahaja. Kita tidak mendapatkan apa-apa kriteria untuk Yang Berhormat Menteri menetapkan apa-apa kegiatan perindustrian sebagai prescribed aktiviti.

Yang keduanya. apa-apa syarikat ataupun projek yang tidak menjalankan penilaian kesan alam sekitar ataupun penilaian ini tidak diluluskan oleh Kementerian berkenaan, mereka hanya didenda sahaja dan ini tidak akan menjadi satu deterrent, dengan izin. Perkara ini sekali lagi menunjukkan bagaimana helpless. dengan izin. Kementerian

Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana kalau pihak Kerajaan dengan jujur dan ikhlas ingin mengawal kegiatan-kegiatan perindustrian supaya ianya tidak menghampirkan alam semula jadi di negara kita suatu jentera harus diwujudkan supaya kelulusan projek-projek tertentu tidak akan dilakukan sebelum EIA ini diluluskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, inilah patut berkesan.

Saya beri contohnya bagaimana Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menjalankan tugas dalam satu bidang yang amat penting iaitu saya beri satu contoh sahaja, dalam perindustrian kayu, walaupun perindustrian kayu di negeri Sarawak telah mencemarkan perairan sungai-sungai dan alam semula jadi bagi bukan hidupan liar sahaja tetapi bagi manusia juga oleh kerana itu racun dari perindustrian ini memusnahkan ikan-ikan dan sebagainya. walaupun demikian pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai kuasa untuk mengawal kegiatan-kegiatan membalak kayu itu kerana kuasa melesen kegiatan-kegiatan ini di bawah tangan pihak Kerajaan Negeri.

Oleh yang demikian, saya bukan hanya mahu, dengan izin, embarass Yang Berhormat Menteri di sini. hanya oleh kerana ianya bertugas sebagai Presiden SUPP seorang musuh bagi DAP di negeri Sarawak. ini bukan tujuan saya. Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada suatu perkara yang amat penting iaitu kalau negara kita tidak berusaha untuk melindungi alam sekitar di negara kita, alam semula jadi di negara Malaysia akan tercemar dan kesannya mengancam kehidupan generasi akan datang seperti yang sekarang berlaku di Amerika Syarikat dan sebagainya.

Oleh kerana kesedaran ke atas perlindungan alam sekitar amat rendah, bukan di antara pihak rakyat jelata sahaja tetapi di antara pihak ahli-ahli politik di Dewan yang mulia ini. di Kabinet juga oleh kerana kesedaran amat rendah, oleh kerana satu kebudayaan sains dan teknologi kurang ada oleh yang demikian saya bimbang pada satu masa akan datang anak-anak mereka akan mewarisi satu alam sekitar yang amat membahayakan hidupan mereka. Dan dengan ini.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Satu minit lagi Yang Berhormat, one minute.

**Tuan Sim Kwang Yang:** One minute, Okay. Saya akan menggunakan satu minit sahaja untuk merayu kepada pihak Kerajaan supaya menjadi lebih accountable untuk mengumumkan dan memberitahu kepada semua orang Malaysia setiap TIA yang dilaksanakan, setiap TIA yang dijalankan atas projek-projek tertentu khususnya projek Bakun. Ini sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

5.32 *ptg.*

**Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian atas perbincangan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan saya sebutkan dengan Butiran 020000 Program Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, Kerajaan selalu menegaskan bahawa Kerajaan akan menjaga dengan telitinya atas perkara pencemaran tetapi pada pendapat saya perkara pencemaran itu telah menjadikan suatu perkara yang sangat-sangat mengecewakan oleh kerana Kerajaan sampai hari ini tidak dapat memastikan perkara pencemaran ini boleh betul-betul

dihapuskan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan tidak begitu tepat oleh kerana mungkin ada sesuatu sebab, mungkin ada sesuatu kelonggaran yang dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan itu tidak dapat membasmi perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan berapa kilang-kilang simen yang berada di negara ini khasnya di negeri Perak, ada kilang simen IPMC, kilang simen Tasek dan kilang simen putih namanya Rock Chemical dan juga ada satu kilang yang akan mengeluarkan simennya di Padang Rengas ialah Perak Anjong Simen Sdn. Bhd. Oleh kerana negeri Perak mempunyai banyak batu-batu yang sesuai untuk membuat simen, maka banyaklah kilang-kilang didirikan di negeri Perak.

Tuan Pengerusi, kita memang menggalakkan kilang-kilang simen didirikan di negeri Perak, tetapi apa saya maksudkan ialah pencemaran yang disebabkan oleh kilang-kilang simen itu nampaknya sama sekali tidak dapat dikawal dengan begitu rapi. Dalam kawasan di mana saya duduk, saya dapati pencemaran udara daripada kilang-kilang simen itu telah berada sejak 10 tahun yang lalu atau lebih, hingga hari ini masih ada aduan-aduan terhadap pencemaran udara daripada kilang-kilang simen itu dan hingga hari ini nampaknya tidak ada langkah-langkah positif untuk menghadapi atau menyelesaikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, Kementerian yang berkenaan itu selalu mengatakan Kementerian akan menjalankan siasatan yang rapi terhadap pencemaran itu tetapi nampaknya tidak ada menunjukkan kesan yang baik terhadap kesihatan penduduk-penduduk yang berada di tempat yang berhampiran itu.

Tuan Pengerusi, saya menyeru Kementerian yang berkenaan supaya

betul-betul dapat menjalankan satu siasatan yang positif yang akan meringankan aduan-aduan yang akan timbul pada masa yang akan datang. Bukan hanya kilang-kilang simen menyebabkan pencemaran, kilang-kilang seperti Malayan Acid Work di Sungai Way selalunya ia pun mengeluarkan asap yang cemar, yang kotor yang baunya tidak selesa bagi manusia, oleh kerana tempat yang saya duduk itu pada malamnya selalu keluar asap yang tidak dapat dikawal oleh sesiapa pun. Perkara ini telah pun disuarakan kepada Parlimen sejak tahun 1969 tetapi hingga hari ini nampaknya perkara ini masih ada dan saya dapati Kementerian Sams, Teknologi dan Alam Sekitar pun telah mengatakan satu kawalan pewter akan dipasang di kilang itu dan perkara ini tidak akan diulangkan lagi tetapi hingga hari ini perkara ini masih diulang-ulangkan bukan pada siang hari, pada tengah malam. Adakah pegawai-pegawai daripada Kementerian yang berkenaan akan menjalankan siasatan pada tengah malam? Bila sampai siang, perkara itu telah habis, tidak dapat disemak lagi.

Tuan Pengerusi, saya hendak ulangi Butiran 00500—Kawalan Alam Sekitar juga.

Tuan Pengerusi, saya dapati Kementerian yang berkenaan selalu menjalankan pemeriksaan berkenaan dengan asap yang dikeluarkan daripada kenderaan-kenderaan. Kita pun selalu nampak mereka menjalankan tugas di lebuh raya dan di tempat-tempat yang strategik dan juga di tempat-tempat yang banyak ada kenderaan-kenderaan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan di sini iaitu cara untuk memeriksa asap kotor ataupun asap hitam yang dikeluarkan daripada kenderaan, saya dapati apabila pegawai daripada Kementerian ini menjalankan siasatan itu selalu

mengadakan satu mesin untuk memeriksa sama ada asap kotor itu di bawah paras, dengan izm safety ataupun lebih daripada paras itu.

Tuan Pengerusi, apabila mereka menjalankan pemeriksaan itu dan apabila mereka menekan "accelerator", menekan minyak, apa cara yang saya tahu daripada JPJ ialah tekan dengan "perlahan-lahan" terhadap kenderaan diesel—"perlahan-lahan". Tetapi pegawai daripada Kementerian Sains dan Teknologi pula, kah pertama itu tekan perlahan-lahan, dia tekan tak begitu banyak asap keluar—"perlahan-lahan". Tetapi kali yang kedua, dia tekan dengan kuat sekali.

**Seorang Ahli:** Sedap!

**Tuan Lau Dak Kee:** Yalah. sedap. tetapi Ahli Yang Berhormat itu sedap, tetapi pemandu-pemandu teksi atau pemandu-pemandu bas dan lori itu, susah nampaknya. Mereka akan menghadapi satu saman. Tuan Pengerusi, apabila mereka menekankan "accelerator" itu, mereka tekan dengan kuat sekali. Asap itu memanglah lebih. walaupun kenderaan itu, lori-lori atau teksi atau kereta swasta itu tidak boleh dijalankan dengan licin, maka asap itu memang lebih keluar apabila dengan sehabis-habisnya ditekan, asap hitam itu memang lebih keluar. Kalau lebih itu. memang di atas paras yang dibenarkan.

Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat Menteri mempunyai satu kenderaan menggunakan diesel, kalau Yang Berhormat itu menekankan dengan sehabis-habisnya, saya rasa walaupun baru scmalam sudah "overhaul", pun ada asap hitam itu keluar. Oleh itu, saya menyeru kepada Kerajaan atau pegawai yang berkenaan. apabila menjalankan pemeriksaan itu jalankan dengan cara yang baik, yang dapat diterima oleh

semua pihak, bahkan oleh pemandu-pemandu teksi, pemandu-pemandu lori atau pemandu bas. Kalau dengan cara pemeriksaan itu, apabila tekan dengan sehabis-habisnya—tekan dengan sehabis-habisnya, bukan sahaja kereta itu akan menghadapi kerosakan, saya rasa Kerajaan pun "mati".

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Banyak benar "tekan" itu? (*Ketawa*)

**Tuan Lau Dak Kee:** Kerajaan pun "mati".

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada satu mmit lagi untuk "menekan".

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian Sains dan Teknologi itu janganlah menambahkan lagi beban bagi pemandu-pemandu teksi dan pemandu-pemandu lori atau kenderaan-kenderaan yang berat. Saya mencadangkan kalau hendak tahu apa cara yang sepatutnya boleh dijalankan, jadilah pemandu-pemandu teksi. pemandu-pemandu lori selama tak payah satu minggu, tiga hari tahulah apakah keadaan yang sebenarnya yang akan berlaku.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya menyuarakan dan saya harap Menteri berkenaan dapat menjawab dengan lebih berkesan terhadap perkara-perkara yang telah saya bangkitkan. Sekianlah, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kuantan.

5,45 ptg.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Pengerusi, saya

mcrujuk kepada muka surat 212, Maksud P. 46, Kod 2000--Perkhidmatan dan Bekalan dan Kod 3000—Pemilikan Harta dan Modal dan selepas itu saya akan pergi ke Butiran 00300—Zoo Negara di muka surat yang sama.

Tuan Pengerusi, setelah kita mendengar tentang "asap kotor", "tekan-menekan" dan "overhaul" oleh wakil dari Pasir Pinji tadi, saya rasa saya tak mahu mengulangi lagi tentang perkara seperti itu, tetapi saya ingin menyentuh tentang soal-soal berkenaan dengan sains dan teknologi, bukan daripada segi tekniknya tetapi dari segi, dengan izin, facilitiesnya.

Tuan Pengerusi, kita sudah lama mengetahui bahawa negara ini telah memberikan keutamaan kepada hal-hal dan aspek-aspek berkaitan dengan sains dan teknologi dan telah banyak diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin negara kita daripada dahulu sehingga sekarang. Ini terbayang dengan banyaknya tempat dan kemudahan diberikan kepada pelajar-pelajar kita untuk belajar di universiti dalam negeri dan juga di luar negeri.

Tetapi apa yang tidak seimbang ialah facility ataupun kelengkapan atau equipment ataupun yang berbentuk "bangunan" umpamanya, untuk mencerminkan kepada kita bahawa kita memberikan satu keutamaan dan kehormatan sewajarnya terhadap kemajuan dan peningkatan sains dan teknologi di negara ini. Sehingga sekarang ini walaupun Jabatan Perdana Menteri, khasnya menerusi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan dengan Pusat Islam telah mengisytiharkan bahawa satu "Pusat Cakrawala" ataupun "planetorium" akan dibinakan tidak berapa lama lagi. Tetapi saya rasa Kementerian Sains dan Teknologi ini harus juga memikirkan bukan sahaja tentang satu

pusat seperti itu. tetapi juga harus memikirkan, harus juga diberikan perhatian oleh pihak berkuasa Kerajaan kita, terhadap penubuhan sebuah pusat sains dan teknologi untuk menampung satu facility seperti "planetorium" dan juga pusat sains sepertimana yang ada di Singapura. satu perbandingan yang dekat. Tetapi kalau kita bandingkan dengan yang jauh—sebuah facility seperti yang terdapat di San Diego umpamanya. yang dinamakan "Reuben S. Flect Centre" yang dibuat berhampiran dengan Zoo San Diego yang begitu masyhur di dalam dunia.

Jadi apabila kita mempunyai sebuah facility seperti itu, ini dengan sendirinya mewajarkan ataupun memberikan pengertian terhadap keutamaan. terhadap penghargaan kita di dalam mempertingkatkan tahap sains, dan teknologi, bukan sahaja mempertingkatkan sains dan teknologi tetapi juga kepercayaan kita yang bersungguh-sungguh terhadap kemajuan yang boleh didapati dan pada kemajuan sains dan teknologi itu.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang kita tahu dan daripada perbekalan yang tercatat di dalam buku peruntukan ini, kita seolah-olah merasakan bahawa perhatian yang agak rendah yang tidak begitu bersungguh-sungguh diberikan terhadap perkembangan yang penting mengenai sains dan teknologi ini. Maka oleh kerana itu. Kementerian ini, saya rasa, dan pada segi pandangan orang ramai, tidaklah menimbulkan, dengan izin, awareness yang tinggi di kalangan rakyat, begitu juga di kalangan penuntut-penuntut, apatah lagi di kalangan mahasiswa. Oleh kerana rendahnya awareness itu, maka Kementerian ini menghadapi sedikit penjejasan kredibiliti - - penjejasan kredibiliti daripada segi fungsi, daripada segi prestasi dan juga daripada segi prestijnya.

Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan pihak berkuasa Kerajaan bukan sahaja memberikan "moral support" kepada Kementerian Sains dan Teknologi ini tetapi harus juga menterjemahkan moral support itu di dalam bentuk angka, iaitu kewangan. Kalau kita tahun depan, tentu sekali seharusnya pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Pengerusi, selepas saya bercakap tentang Butiran itu, saya ingin berpindah pula kepada Butiran 00300 Zoo Negara.

Saya tahu bahawa Zoo Negara mi diberi satu layanan yang boleh disifatkan sebagai "sustenance" dan bukan "developmental" ataupun sebagai satu pusat "community centre". Ini tercermin jelas dalam peruntukan yang agak terbatas ini. Kalau kita bandingkan dengan zoo-zoo yang terkenal di luar negeri seperti "Ueno Zoo" di Tokyo, apa lagi kalau kita bandingkan dengan zoo di San Diego, di Washington, ataupun di London, tentu sekali zoo kita ini amatlah "lack lustre". dengan izin. Banyak binatang-binatang yang ada di dalam zoo itu tidak mencerminkan bahawa binatang-binatang itu seolah-olah terdapat di dunia sebelah sini. Banyak lagi harimau. saya rasa kelihatan di zoo-zoo di London ataupun di Zoo San Diego ataupun "Ueno" daripada yang terdapat di zoo kita. Kemudahan-kemudahan yang ada di sini tidak memberikan kesempatan kepada pelawat-pelawat berada daripada pagi sehingga petang yang boleh menimbulkan suasana "community centre".

Tuan Pengerusi, saya rasa kalau kita benar-benar serius, benar-benar bersungguh-sungguh memberi satu "treatment" ataupun layanan yang kita boleh tarafkan sebagai satu layanan yang penuh kehormatan, saya rasa layanan seperti itu harus juga ditranslatekan, diterjemahkan dengan angka ringgit yang lebih besar

daripada yang ada di hadapan saya ini. Ini bukan bermakna kita memberikan perbelanjaan yang besar untuk memelihara binatang, untuk memelihara kemudahan-kemudahan di Zoo Negara itu, tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi, ianya harus di "relate"kan kepada keperluan masyarakat, keperluan "community" kita dalam ertikata bukan sahaja kita menghayati binatang-binatang dari segi "ecological balance", tetapi juga kita memberikan satu penghayatan yang baik terhadap keperluan rakyat kita, terutamanya dalam pembentukan mental, pembentukan "attitude" anak-anak kita ataupun orang-orang muda kita terhadap kejadian alam. dalam perkara ini, tentulah mergastua dan binatang-binatang yang kebanyakannya masih lagi tinggal di kawasan-kawasan dunia sebelah sini.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata itu, saya menyeru supaya perhatian yang konkrit iaitu perhatian yang boleh diterjemahkan dengan angka ringgit dan sen. Saya menyeru kepada pihak Kerajaan memberikan peruntukan yang lebih lagi pada masa akan datang untuk maksud sepertimana yang telah saya gariskan sebentar tadi. Dengan itu, saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Sebelum Yang Berhormat meneruskan ucapan, selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.55 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat hendak berucap panjang. Saya pergi ke Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, B. 46, Butiran 020000, Program—Alam Sekitar yang mana

anggaran \$8,854,500 telah diperuntukkan bagi tahun 1987.

Kita tahu negara kita ialah negara pembangunan. Oleh itu, dari segi pembangunan ini kita harus juga memikirkan masa depan keadaan hutan rimba yang ada pada hari ini supaya tidak pustus ataupun habis ditebang untuk dijadikan pembangunan. Satu masa nanti kalaulah sekiranya pembangunan ini begitu pesat, kemungkinan untuk kita mendapatkan bekalan air, rasa saya tidak ada lagi, kerana hakisan-hakisan untuk mendapatkan air telah habis. Kita lihat dengan pembangunan sekarang ini banyak sungai-sungai, sawah-sawah padi tidak dapat diusahakan kerana tidak ada air lagi, kerana di ulu-ulu ataupun hutan-hutan ini telah pun ditebang dan untuk takungan air tidak ada lagi, dengan keadaan alam-alam sekitar telah pun habis.

Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharap kepada Kementerian ini supaya mengawasi tentang pembangunan-pembangunan yang akan datang tidak ada lagi hutan-hutan yang sepatutnya boleh kita tinggalkan dan dijaga dengan baik supaya tidak dimusnahkan sepertimana yang saya katakan tadi untuk mengelakkan masalah-masalah yang kita hadapi 10 ataupun 15 tahun ataupun 50 tahun yang akan datang. Dalam soal alam sekitar ini juga kita sekarang harus memikirkan juga dengan adanya pembangunan-pembangunan, lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur ini, kilang-kilang yang telah ada dan telah wujud, sama ada yang telah wujud sebelum perang dulu dan juga selepas merdeka yang ada di Kuala Lumpur ini dan juga di bandar-bandar besar, oleh kerana desakan daripada orang ramai minta Majlis-majlis Bandaran dan juga Dewan Bandaraya, mengarahkan tuan punya kilang mengalihkan dan memindahkan kilang itu kawasan luar bandar.

Dalam masalah luar bandar ini juga, kita mengelakkan alam sekitar daripada busuk dan mengeluarkan bau ini kepada orang-orang dalam bandar, tetapi sekarang ini orang-orang kampung pula menerima akibatnya. Umpamanya, pada satu masa di kawasan saya, iaitu saya sendiri duduk di Petaling Jaya, satu kilang getah yang dipunyai oleh "Harrisons & Crosfield" yang mana busuknya, lebih-lebih lagi kalau hari hujan, tidak dapat hendak dikatakan oleh penduduk-penduduk di situ. Tetapi oleh kerana desakan ini, kilang itu telah pun dipindahkan ke kawasan perkampungan orang Melayu. iaitu di Nilai. Sekarang kawasan di Nilai ini pula telah menerima akibatnya sehinggakan sungai yang ada pada masa dulu, orang-orang kampung dapat menangkap ikan, mengail ikan, menjala ikan, tetapi sungai itu telah pun dipenuhi dengan air-air kotor daripada kilang getah Harrisons & Crosfield yang dipindahkan daripada Kuala Lumpur ke Nilai. Di samping itu juga, saya mengharap supaya pihak Kementerian ini dan juga Kementerian-kementerian yang lain apabila menghendaki satu-satu kawasan, seperti yang saya katakan tadi, supaya membuat penyelidikan dahulu.

Kita tidak mahu tuannya-tuannya itu minta kita tempatkan kilang-kilangnya di sana, di sini. Kalau Kementerian ataupun pihak yang berkenaan membiarkan begitu sahaja, akibatnya orang-orang kampung menerima bau busuk. Kalau Tuan Pengerusi dan pihak Kementerian tidak percaya cubalah pergi ke tempat itu, tidak berapa jauh dari sini, hanya 38 kilometer sahaja dari Kuala Lumpur. Bila hari hujan cubalah pergi. Di samping itu juga saya sendiri pun pada suatu malam singgah di situ kerana sudah waktu Maghrib, saya pun singgah sembahyang di Masjid Nilai dan bila saya tanyakan apa sebab baunya begini busuk, dia kata sebab

kilang yang saya sebutkan tadi. Di samping itu juga di kawasan-kawasan Lembah ini juga ada pembelaan babi. Minta maaf, pembelaan babi ini lebih kurang 2,000 ekor, iaitu terletak di kawasan ulu, kawasan ini juga iaitu di Hamilton Estet, kalau tidak silap saya, apa yang telah diterangkan kepada saya.

Dalam masalah ini juga kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan tidak menyusahkan orang kampung dan oleh itu kita mengharapkan jikalau sekiranya kilang-kilang tersebut seperti saya sebutkan tadi, di lain-lain masa supaya mencari tempat-tempat yang jauh daripada kampung-kampung orang Melayu, begitu juga dalam keadaan dalam Alam Sekitar ini berhubung dengan pecah-pecah batu sekarang ini.

Kita lihat banyak pemecah-pemecah batu dilakukan di kawasan-kawasan perkampungan orang-orang Melayu dan juga kawasan-kawasan baru. Dalam masalah ini juga, pencemaran alam dengan adanya batu dan habuk yang pergi ke kawasan perkampungan. Kampung itu telah lama ada, kilang batu itu baru ada. Kita harap di lain kali kalau telah ada kawasan perkampungan, kampung baru atau pekan supaya pemecah batu jangan diadakan. Carilah tempat lain, kerana dalam negara kita ini banyak batu boleh dipecah.

Oleh itu dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, itu sahajalah saya mengharapkan supaya masalah yang saya sebutkan tadi dapat pandangan daripada Kementerian. Ini untuk kepentingan dan juga kebajikan dengan kesihatan rakyat dalam negara kita ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.00 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat di atas kegiatan-kegiatan Kementerian saya serta teguran dan cadangan-cadangan yang konstruktif yang dibangkitkan. Di sini ingin saya memaklumkan bahawa ianya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan soalan berkenaan alam sekitar. Di sini saya ingin menegaskan pada keseluruhannya keadaan alam sekitar di negara kita bertambah baik walaupun terdapatnya beberapa masalah yang tertentu yang perlu diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyebut mengenai pencemaran dari kilang Associated Steel Mills. Kementerian saya telah memberi penjelasan secara bertulis pada 3hb November baru-baru ini dan sungguhpun pencemaran masih berlaku sedikit sebanyak, tetapi keadaan adalah dikawal dan mematuhi standard-standard yang ditetapkan. Pencemaran tidak boleh dihapuskan seratus peratus, melainkan kilang itu ditutup. Kualiti alam sekeliling terus diawasi dan didapati tidak akan menjejaskan kesihatan umum sungguhpun keadaan tidak senang dipandang.

Mengenai pencemaran dari CCM, Kementerian saya telah juga memberi penjelasan pada tarikh yang sama.

Mengenai sisa-sisa radio-aktif dari Asian Rare Earth, soalan berkenaan hal ini sudah pun dijawab oleh Menteri yang bertanggungjawab atas perkara ini di Jabatan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini. Sebetulnya pengurusan sisa-sisa radio-aktif adalah dalam bidang kuasa satu badan istimewa diwujudkan di

PUSPATI yang mempunyai alat-alat kelengkapan untuk mengawasi paras radio-aktif.

Menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, perlindungan dan kawalan alam sekitar adalah matlamat Kerajaan yang ulung juga dan bukan satu alat untuk mencapai matlamat sosio-ekonomi sahaja. Ayat yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching mestilah dibaca dalam konteks Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Ayat ini sebenarnya bermaksud pembangunan sosio-ekonomi adalah bergantung kepada kualiti alam sekitar yang tinggi dan tidak sebaliknya.

Mengenai prosedur penilaian kesan alam sekitar ataupun EIA, dengan adanya pindaan kepada Akta Alam Sekeliling yang telah digazetkan pada 9hb Januari tahun ini, prosedur penilaian kesan alam sekitar telah menjadi satu kehendak untuk aktiviti-aktiviti yang berpotensi memberi kesan yang serius dan satu laporan penilaian kesan alam sekitar hendaklah disediakan dan diluluskan sebelum sesuatu projek tersebut dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti yang memerlukan laporan penilaian kesan alam sekitar disediakan, termasuk pembinaan ampangan, seperti Ampangan Bakun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan penilaian alam sekitar sedang disediakan oleh pihak SESCO (Sarawak Electricity Supply Corporation) dan ianya akan mengambil kira aspek-aspek kesan-kesan atas alam sekeliling.

Menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji mengenai pencemaran dari kilang-kilang simen, Kementerian saya telah memberi penjelasan ke atas tahap kawalan yang telah diambil oleh kilang-kilang ini dalam sesi Dewan ini pada 17hb November. Walau bagaimanapun, saya suka mengulang sekali lagi, tahap

pematuhan kilang-kilang ini adalah memuaskan dan kualiti udara di sekeliling kilang-kilang ini telah bertambah baik dan terkawal. Mengenai ujian kenderaan prosedur yang diamali oleh pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar adalah yang patut diikuti, iaitu minyak kenderaan hendaklah ditekan dari takat minima hingga ke maksima. Prosedur ini tidak pernah dan tidak akan merosakkan kenderaan-kenderaan yang diuji. Saya harap tuanpunya teksi dan lori menjalankan servis ke atas kenderaan mereka mengikut jadual yang tertentu supaya kenderaan mereka tidak akan melanggar peraturan ini.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, saya ingin mnndapat sedikit penjelasan. Menteri yang berkenaan telah menyatakan kenderaan-kenderaan yang dijalankan oleh tuanpunya teksi itu mesti menjalankan servisnya mengikut jadual. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu apa garis panduannya untuk memperbaiki kenderaan-kenderaan yang menggunakan diesel? Sejauh mana saya tahu di bengkel-bengkel yang memperbaiki kereta-kereta diesel itu, mereka hanya membaikkan dengan cara yang difikirkan sesuai kepada mereka, tetapi tidak ada apa-apa garis panduan yang diwujudkan oleh Kementerian yang berkenaan.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Pengerusi, saya anggap tidak perlu diberi apa-apa garis panduan. Ini nasihat sahaja. Ini terpulang kepada tuanpunya kereta yang hendak menjaga keretanya dengan baik. Sebelum prosedur ini dilaksanakan, kita telah pun bermesyuarat dengan taxi Association

dan juga pihak-pihak yang berkenaan. Jadi, prosedur ini telah pun disanggupi oleh mereka.

Menjawab soalan Ahli.....

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Ini mengenai kenderaan. Saya tak beri jalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tak beri.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Jangan buang masa.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuantan, pada masa ini sebuah Pusat Sains sementara telah ditubuhkan sebagai usaha untuk menggalakkan atau mempopularkan sains dan teknologi. Usaha-usaha lain pula telah dan sedang dirancangan untuk mempopularkan sains seperti kem komputer, pameran sains, sarkas sains dari Kanada dan sebahagian. Usaha-usaha untuk menubuhkan sebuah Pusat Sains di bawah Rancangan Malaysia Kelima sedang dibuat. Ini akan menelankan perbelanjaan yang besar serta menyumbangkan tenaga yang banyak. Saya amat berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuantan atas minat dan sokongan yang ditunjukkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Maran membangkitkan soalan mengenai kerosakan tanaman yang disebabkan gajah di Maran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan sentiasa diambil untuk menjauhkan gajah-gajah dari tempat-tempat

tersebut dengan cara menghalau, menggunakan pagar elektrik dan juga pemindahannya ke tempat lain. Untuk gajah-gajah di Maran, tindakan memindahkannya ke Taman Negara akan diambil pada tahun hadapan. Masalah gajah di Maran akan dapat diatasi apabila translokasi itu diselesaikan.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun lagi. Perkara yang lain pula, bukan soal tadi.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Gajah?

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Oaud):** Ya, ia bertanya fasal gajah. (*Ketawa*)

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, sejauh mana saya tahu bukan hanya Maran menghadapi soal gajah, tetapi di negeri Perak, di kawasan Lintang pun ada beberapa ekor gajah yang sentiasa memusnahkan tanaman-tanaman petani. Bolehkah Menteri yang berkenaan menerangkan di Dewan ini apakah langkah-langkah, bukan sahaja hendak memindahkan gajah-gajah daripada Maran tetapi juga hendak memindahkan gajah-gajah daripada Lintang?

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Pengerusi, saya telah jelaskan tadi langkah-langkah yang akan diambil. Jadi, sabarlah sedikit, sebab kita akan mengambil tindakan di negeri lain juga seperti Perak, tetapi kita tidak dapat melakukan operasi yang sekali gus. Kita akan susunkan operasi itu.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kampar pula bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Gajah. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Gajah lagi.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Pengerusi, bukan sahaja gajah, lain-lain binatang pun ada juga. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masalah gajah-gajah yang berlari liar bersama dengan binatang-binatang lain seperti harimau, disebabkan, dengan izin, kemusnahan natural habitat binatang-binatang ini kerana pembinaan dam-dam seperti Temenggong dan yang mengakibatkan binatang-binatang ini lari dari natural habitat mereka yang berlari liar di merata-rata tempat dan juga diburu oleh penduduk-penduduk dan petani-petani di sekitar kawasan-kawasan tersebut. Jadi, kalau peristiwa ini tidak dikawal, maka pada satu hari nanti negara kita akan kehilangan semua binatang-binatang yang makin sedikit sekarang. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang diambil untuk melindungi semua binatang-binatang yang terdapat dalam negara kita supaya alam semulajadi negara kita dapat diselamatkan.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Hendak penjelasan juga?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Pengerusi, oleh sebab waktu Soal-Jawab sudah habis pada pukul 3.30 petang tadi, saya rasa biarlah kita izinkan Yang Berhormat Menteri terus memberi jawapan dan kita jangan benarkan lagi soal-soal jawab ini.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, itulah saya ingat saya boleh menggulung, tetapi sekarang

perbahasan dibuka lagi (*Ketawa*) jadi susahlah digulungkan. (*Ketawa*)

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Pengerusi, bukankah perkara itu dalam Kementerian beliau?

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Saya tak mahu beri jalan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Dia tak beri jalan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Bukankah perkara-perkara yang saya sebut tadi termasuk dalam urusan Kementerian beliau? Kalau tidak, tak mengapa; kalau ada, mesti beri penjelasan.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Saya tak beri jalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Okay, gulunglah.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Saya tak perlu menjawabnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan juga membangkitkan mengenai Zoo Negara. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa Zoo Negara telah diuruskan dengan peruntukan yang kecil daripada Kerajaan dan sumber-sumber kewangan lain seperti derma dan bantuan sukarela dari rakyat jelata dan firma-firma tertentu. Walaupun demikian Zoo Negara adalah sebuah zoo yang sangat baik di rantau ini dan ianya mempunyai binatang-binatang dari semua benua di dunia kita dan dengan peruntukan yang sedikit ini, saya rasa Zoo Negara telah diuruskan dengan baik.

Zoo-zoo disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat seperti Zoo San Diego mempunyai sumber kewangan yang besar dan semestinya dapat mempamerkan binatang-binatang yang exhortic. Binatang-binatang dan burung-burung di Zoo Negara kita ditambahkan pada tiap-tiap tahun. Zoo Negara adalah sebuah penarik besar untuk pelancong dan juga

penduduk-penduduk tempatan. Bilangan pelawatnya melebihi satu juta orang tiap-tiap tahun.

Menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, saya ingin menjelaskan pemindahan kilang-kilang dari kawasan bandar ke luar bandar tidaklah bermakna kilang-kilang ini tidak dikehendaki mengambil kawalan pencemaran yang sepatutnya. Dengan pemindahan ini kilang-kilang telah mendapatkan kawasan tanah yang diperlukan untuk membina loji-loji pembersihan air buangan. Walau bagaimanapun, masalah bau tidak dapat dielakkan sekali-sekala, terutamanya apabila loji-loji ini kurang berfungsi dengan secepatnya.

Tuan Pengerusi, sekianlah ucapan gulungan saya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$33,210,900 untuk Maksud B. 46; \$9,570,200 untuk Maksud B. 47 dan \$18,703,900 untuk Maksud B. 48 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$33,210,900 untuk Maksud B. 46; \$9,570,200 untuk Maksud B. 47 dan \$18,703,900 untuk Maksud B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$15,080,030 yang disebutkan dalam Maksud P. 46; \$3,830,000 untuk Maksud P. 47 dan \$1,880,100 untuk Maksud P. 48 dalam Anggaran Pembangunan 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,080,030 untuk Maksud P. 46; \$3,830,000 untuk Maksud P. 47 dan \$1,880,100 untuk Maksud P. 48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1987.

*Maksud B. 49 dan B. 50 (Jadual)—*

*Maksud P. 49 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 49 hingga B. 50 dan Kepala Pembangunan P. 49 hingga P. 50 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sepang.

*6.24 ptg.*

**Tuan Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang):** Tuan Pengerusi, sukacita saya merujuk kepada Maksud Bekalan B. 49 Kementerian Pengangkutan, Butiran 04020, muka surat 222—Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan.

Saya percaya langkah Kerajaan memperkemas kutipan bayaran cukai jalan iaitu dengan membolehkan tuanpunya-tuanpunya kenderaan membaharui cukai-cukai jalan dengan membayar sebulan sekali dan saya yakin tujuan matlamat Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan adalah baik terutama untuk memberi keringanan kepada tuanpunya-tuanpunya kenderaan.

Di dalam proses biasa, kereta-kereta perdagangan, atau dengan izin, commercial vehicles, dikehendaki menghantar kenderaan-kenderaan untuk pemeriksaan pada tiap-tiap 6 bulan sekali. Setelah pemeriksaan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan barulah dibenarkan membayar cukai jalan. Dengan langkah Kerajaan atau Kementerian Pengangkutan

membenarkan tuannya-tuannya kenderaan mengambil dan membayar cukai jalan bagi satu bulan ke satu bulan ini telah banyak disalahgunakan oleh setengah-setengah pihak dengan mengambil kesempatan mencari keuntungan di mana mereka tidak datang untuk membaharui ataupun membayar cukai jalan dengan memberi alasan kenderaan mereka rosak dan sebagainya, dan akan hanya datang semula untuk pemensaan setelah cukup tempoh 6 bulan.

Tuan Pengerusi, tidak dinafikan Jabatan Pengangkutan Jalan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap tuannya-tuannya kenderaan dan sudah pasti mereka akan dikenakan hukuman denda \$100, \$200 atau mungkin \$300. Tetapi pihak-pihak yang berkenaan memikirkan mereka mungkin dapat untung lebih dibandingkan dengan denda yang dikenakan dengan tidak membayar cukai jalan dalam tempoh-tempoh 4 ataupun 5 bulan.

Untuk mengelakkan keadaan ini terus berlaku berleluasa dan kemungkinan di dalam keadaan Kerajaan memerlukan kutipan wang dan menambah pendapatan, maka saya syorkan bagi mereka ataupun tuannya-tuannya kenderaan perdagangan yang mengambil tindakan sedemikian ataupun seterusnya mereka yang mengambil keuntungan daripada keadaan ini di mana membayar hanya satu bulan dan tidak lagi membayar pada bulan-bulan berikutnya dengan berbagai-bagai alasan sehingga pemeriksaan sepertimana yang saya sebutkan tadi, maka saya mencadangkan Kerajaan hendaklah mengenakan kebelakangan kepada mereka, khususnya seperti kita kenakan bayaran kebelakangan kepada cukai pendapatan, misalnya. Sudah pasti suatu peruntukan undang-undang diperlukan oleh Jabatan

Pengangkutan Jalan bagi membolehkan Kementerian ataupun Jabatan Pengangkutan mengutip dan mengenakan bayaran kebelakangan (arrears).

Tuan Pengerusi, satu lagi yang boleh mendatangkan sumber kewangan bagi Jabatan Pengangkutan Jalan ialah dengan mengenakan bayaran lesen Sekolah Memandu. Selama ini saya kira Kerajaan tidak mengenakan apa-apa bayaran di dalam setiap pengeluaran lesen-lesen Sekolah Memandu sedangkan Sekolah-sekolah Memandu ini mengutip dan mengenakan bayaran yang sehingga hari ini telah berlipat-ganda bayarannya. Mengapa tidak Kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan mengenakan bayaran bagi setiap lesen Sekolah-sekolah Memandu yang dikeluarkan.

Tuan Pengerusi, Butiran 040600 Program Penguatkuasaan Undang-undang muka surat 222.

Di dalam menentukan Penguatkuasaan Undang-undang berjalan dengan baik dan lancar demi bertujuan untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman jalan raya, sudah tentulah dan sayugialah satu kajian, penelitian dan perancangan yang diperlukan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat boleh sambung lagi esok.

**Tuan Mohd. Sharif bin Jajang:** Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*